


Jilid I
Bil. 93



Hari Khamis
15hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 10015]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Ketiga):

Jadual:

Maksud B. 15 hingga B. 21 [Ruangan 10042]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Ketiga):

Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 [Ruangan 10042]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ **Menteri Pertanian, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

„ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMAD GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh.)
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 15hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENDATANG HARAM VIETNAM

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Vietnam sedang menimbangkan syor-syor yang dibuat oleh Malaysia dalam mengatasi masalah pendatang haram dari negara itu tetapi nampaknya Vietnam tidak menghormati hak dan kepentingan negara-negara lain kerana setelah dibuat jaminan oleh Hanoi dan sehingga sekarang bilangan pendatang haram semakin bertambah; dengan demikian, apakah langkah yang akan diambil selaras dengan keputusan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telahpun dijawab pada 8hb Oktober, 1979 yang lalu dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, semenjak Persidangan Geneva yang lalu jumlah pendatang haram Vietnam di negara ini telahpun berkurangan yang mana sehingga ini baki mereka adalah sebanyak 37,774 orang berbanding dengan jumlah lebih kurang 75,000 orang tatkala persidangan itu disebut.

BIRO BANTUAN GUAMAN—
PERKHIDMATAN

2. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan mereka yang menggunakan kemudahan perkhidmatan

Biro Bantuan Guaman dan sama ada Kementerian ini bercadang membuka pejabat cawangan di daerah-daerah di mana bantuan guaman amat diperlukan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bilangan mereka yang menggunakan kemudahan perkhidmatan Biro Bantuan Guaman semenjak ia dibuka dalam tahun 1970 hingga ke bulan Jun 1979 ialah 24,862 orang.

Sememangnya Kementerian saya bercadang hendak membuka cawangan Biro Bantuan Guaman di daerah-daerah di mana bantuan guaman diperlukan tetapi dukacita buat sementara ini cadangan itu tidak dapat dilaksanakan lagi disebabkan kekurangan pegawai-pegawai yang berkelulusan dan berkelayakan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa bilangan yang menggunakan kemudahan ini ialah seramai 24,862 orang. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka ini mengikut negeri dan di antara 24,862 kes ini berapakah kes yang telah selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut negeri itu tidak payahlah, mengambil masa yang banyak sangat, bol'h dengan bersurat kalau ada. Soalan bahagian yang kedua itu dipersilakan menjawab.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri kepada Ahli Yang Berhormat itu dengan bersurat kemudian.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang sama ada setiap orang yang meminta

bantuan daripada Biro Bantuan Guaman ini adalah berkelayakan mendapat bantuan ataupun apakah apabila seseorang itu meminta bantuan dikenakan syarat-syarat tertentu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada syarat-syaratnya yang melayakkan seseorang itu boleh mendapat bantuan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa kesukaran adalah bukan mengenai dengan lebih banyaknya pejabat-pejabat Biro ini tetapi oleh kerana kekurangan pegawai yang berkelayakan atau loyar yang mengakibatkan bahawa apabila orang-orang yang datang ke pejabat itu tidak dapat berjumpa dengan orang yang boleh memberi nasihat undang-undang. Jika keadaan itu benar, saya ingin hendak bertanya sama ada Kementerian beliau akan mengambil tindakan supaya menambah pegawai-pegawai yang berkelayakan itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dalam program Kementerian saya untuk menambahkan pegawai-pegawai Biro ini daripada satu masa kesatu masa.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat minima bagi seseorang itu mendapat faedah daripada Bantuan Guaman ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa syarat yang boleh melayakkan seseorang itu memohon bantuan. Jadi dalam perkara ini juga saya bercadang hendak memberi jawapan yang bertulis kepada Ahli Yang Berhormat, jika Ahli Yang Berhormat itu sukalah.

JALANRAYA KE LONG RESINA/ LONG SUKANG/PA BERAYONG— MEMPERBAIKI

3. Tuan Racha Umong minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada Kerajaan akan menggalakkan syarikat-syarikat balak untuk bekerjasama dengan Kerajaan untuk memperbaiki jalanraya menuju ke Long Resina, Long Sukang dan Pa Berayong untuk memperbaiki kehidupan rakyat luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas adalah di maklumkan bahawa jalan yang menuju ke Long Resina, Long Sukang dan Pa Berayong adalah jalan yang dibuat oleh pihak swasta untuk tujuan pembalakan. Projek-projek jalan dirancang oleh Kerajaan berdasarkan pertimbangan ekonomi dan sosial yang bertujuan memperbaiki kehidupan rakyat luar bandar dan menjadi projek Kerajaan. Sekiranya pihak swasta ingin membuat sambungan Kerajaan akan menyambutnya dengan baik.

KEMALANGAN JALANRAYA

4. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kadar kematian di jalanraya Malaysia adalah salah satu yang tertinggi di dalam dunia; jika ya, apakah langkah-langkah konkrit akan diambil untuk menghalang pemandu-pemandu daripada membawa kenderaan dengan merbahaya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar kadar kematian di jalanraya di Malaysia adalah di antara yang tertinggi sekiranya dibandingkan dengan negara-negara yang telah maju. Sebaliknya kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar kemalangan jalanraya di negara-negara yang sedang membangun.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghalang pemandu-pemandu dari membawa kenderaan dengan merbahaya termasuklah mengadakan kempen-kempen Keselamatan Jalanraya yang dikelolakan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia di bawah Kementerian dan Majlis Jalanraya Negeri di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri. Kempen-kempen ini diadakan tiap-tiap tahun di peringkat negeri. Jabatan Pengangkutan Jalanraya juga mempunyai Yunit Gerak Cepat yang membuat operasi tindakan kuatkuasa di merata-rata tempat di Malaysia untuk menahan kenderaan-kenderaan yang laju. Selain dari itu pihak Polis juga mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu kereta yang memandu terlalu deras.

Dalam tahun 1978 pasukan Polis telah mengeluarkan sejumlah 252,679 saman di mana 33,396 adalah kes-kes saman kerana lari deras dan 7,032 kes kerana muatan lebih oleh lori-lori. Sejumlah \$10,188,074.12 telah dipungut sebagai wang kompaun Polis dan denda mahkamah dalam tahun 1978. Pihak Polis telah menggunakan sejenis alat baru bernama Vascar bagi mengesan kederaan sesebuah kenderaan di sepanjang jalanraya lebuhraya. 22 set Vascar telahpun digunakan sejak bulan Januari 1979 dan sebanyak 15 set lagi akan dipasang. Gerak Serkap Lari Deras terhadap pemandu-pemandu kenderaan juga sedang dipergiatkan bagi tujuan mengawal ancaman ini.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kajian yang telah dijalankan di Australia didapati bahawa kebanyakan kemalangan di jalanraya berlaku selepas pukul 6.00 petang apabila kedai minuman keras (pub) ditutup pada pukul 6.00 petang dan akibat daripada perkara ini Kerajaan Australia telah memanjakan pembukaan pub-pub sehingga pukul 10.00 malam. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah di antara perkara-perkara besar yang menyebabkan kemalangan-kemalangan di negara kita ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi jalan laju (speeding) adalah salah satu sebab dan kesalahan manusia yang menggunakan jalanraya itu merupakan salah yang paling besar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Berhormat Timbalan Menteri adakah boleh pihak Ahli Parlimen ataupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan membuat pengaduan kepada pihak RIMV sekiranya terdapat sesuatu kenderaan itu larinya deras ataupun menyalahi undang-undang yang boleh membahayakan atau boleh melibatkan kemalangan. Sekiranya ada jalan-jalan atau cara, bagaimanakah langkah yang boleh digunakan?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja boleh malah Kementerian menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaporkan seperti yang disebutkan itu.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Dari penerangan Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa pada tahun lalu banyak kes-kes saman telah dilakukan oleh Polis berkenaan dengan lori-lori yang muatan berat tetapi hari ini masih lagi banyak terdapat lori-lori yang muatannya berat. Adakah kurang mendapat kerjasama daripada pihak Polis atau bagaimana sehingga perkara ini masih lagi berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat jawapan kepada soalan itu telahpun ada termasuk dalam jawapan yang pertama tadi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tambah lagi?

Dr Goh Cheng Teik: Tidak.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa apakah Kementerian akan mengenakan juga saman kepada kereta-kereta yang had lajunya paling perlahan kerana selain daripada kelajuannya yang begitu cepat yang boleh menyebabkan pelanggaran begitu juga orang-orang yang memandu dengan perlahan boleh menyebabkan pelanggaran khususnya di Highway.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji perkara ini bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab bagi jalan-jalan besar khasnya lebuhraya.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan sepanjang tahun 1978 terdapat 252,679 saman dan 33,000 lebih daripadanya kes lari deras, sementara 7,000 lebih adalah muatan lebih daripada had yang sepatutnya. Jadi saya ingin bertanya apakah jenis hukuman yang paling berat sekali yang dikenakan:

- (a) kepada pesalah yang lorinya ataupun kenderaannya lari deras;
- (b) yang muatan lebih;

Apakah hukuman yang paling berat jel ataupun denda?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini diambil oleh pihak Polis dan pihak mahkamah dan terserah kepada mereka untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

BANCI TANAH PADI

5. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah ladang padi yang melebihi lima puluh (50) ekar yang dipunyai oleh tuan-tuan pelupa (*absentee landlord*) dan apakah langkah yang Kementerian ambil untuk menghapuskan tuan tanah seperti ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (*Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof*): Tuan Yang di-Pertua, Sistem Pendaftaran tanah yang ada sekarang tidak memberi butir-butir seperti yang dikehendaki bagi seluruh negara kita. Banci tanah padi yang mempunyai 50 ekar atau lebih telah dibuat di Kedah pada tahun 1970 dan jumlah luasnya tanah padi yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah seluas 50 ekar atau lebih ialah 5,382 ekar. Keluasan ini dipunyai oleh seramai 213 tuannya tanah. Jumlah luas kawasan padi di Kedah ialah 290,654 ekar. Jadi peratus luasan yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah yang mempunyai 50 ekar atau lebih ialah cuma 1.85%.

Jadi kalau sekiranya kita adakan undang-undang boleh memaksa Kerajaan membeli tanah mereka ini untuk dibahagikan kepada mereka yang tidak ada tanah, itupun tidak menjadi kesan - seperti melepaskan batuk di tangga sahaja, sebab cuma 5,000 ekar sahaja yang lebih 50 ekar.

Sukar juga hendak dipastikan yang tuannya tanahnya ini sebagai tuan-tuan pelupa (*absentee landlord*) kerana mereka atau waris-waris mereka itu masih berada di dalam daerah kawasan padi mereka dan sentiasa mengelolakan harta mereka itu; separuhnya yang ditanam sendiri atau separuh disewa kepada penyewa-penyewa yang hendak bertanam padi.

Perlaksanaan Akta Penanam Padi (*Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan*), 1967 adalah bertujuan untuk menjaga hak penanam-penanam sebagai-sebagai penyewa-penyewa kelak.

BANGUNAN FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN/ MARA—RETAK

6. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa retak-retak yang

merbahaya telah berlaku kepada bangunan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan, bangunan MARA dan lain-lain apakah tindakan undang-undang akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor binaan, inspektor-inspektor bangunan yang cuai dan yang hanya menjejarkan untung yang cepat.

Timbalan Menteri Pelajaran (*Dato' Chan Siang Sun*): Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa keretakan di Kompleks Perumahan Pelajar Komsis C, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi yang berharga \$6.6 juta itu hanyalah keretakan kecil dan tidak sepertimana yang dihebohkan oleh pihak-pihak tertentu. Keretakan ini adalah berhubung dengan kerja-kerja 'plumbing' di mana kontraktor berkenaan (*Malbina Sdn. Bhd.*) telah tidak mematuhi penentuan-penentuan (*Specification*) kontrak sepenuhnya. Kementerian saya dengan kerjasama pegawai-pegawai Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertanggungjawab ke atas pembinaan bangunan tersebut telah menjalankan penyeliaan yang rapi bagi menentukan supaya projek berkenaan diselenggarakan dengan baik.

Walau bagaimanapun, perkara keretakan ini telah diambil tindakan dengan meminta kontraktor tersebut membaikinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Clause 18 berbunyi 'Defects after Completion' dan perjanjian (*PWD 203A - Rev. 9/70*) yang telah ditandatangani olehnya. Kontraktor ini telah enggan membaiki keretakan tersebut dan usaha-usaha sedang dijalankan bagi melantik kontraktor-kontraktor lain bagi mengambil alih kerja-kerja membaikinya dengan menggunakan baki wang kontraktor asal yang masih ditahan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak \$148,237.87.

Kes *Malbina Sdn. Bhd.* ini telah dirujuk kepada pihak JKR dan Bahagian Pengurusan Kontraktor dan Bekalan Perbendaharaan Malaysia bagi membolehkan tindakan yang sesuai diambil ke atasnya sebab tidak menepati perjanjian kontrak yang telah dibuat olehnya di bawah Clause 18 'Defects After Completion'.

MARA tidak akan mengambil tindakan Undang-undang ke atas kontraktor-kontraktor binaan tersebut kerana kerosakan itu berlaku lebih dari enam (6) tahun dari tarikh bangunan itu disiapkan.

Selain dari faktor di atas, setelah penyiataan/penyelidikan dibuat, adalah didapati kerosakan yang berlaku bukanlah disebabkan kerja-kerja yang cuai tetapi adalah kerana penggunaan 'Material' (Wood-Wool) yang baru.

UNIVERSITI ISLAM—PENUBUHAN

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa penubuhan sebuah Universiti Islam merupakan suatu masalah yang mendesak bagi mengatasi mentaliti umat Islam dan jenerasi akan datang dari fahaman kebendaan dan pengaruh-pengaruh yang tidak sihat, jika sedar apakah langkah berkesan yang telah diambil dan jika tidak mengapa.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi dan Kementerian Pelajaran telah mengadakan beberapa rancangan di semua peringkat persekolahan untuk membenteraskan pengaruh-pengaruh yang tidak sihat seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Di dalam jurusan pelajaran tinggi, langkah yang diambil termasuk memperkukuhkan lagi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan dan Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tahun ini Fakulti Islam Universiti Kebangsaan telah menubuhkan dua jabatan baru iaitu Jabatan Pengajian Al-Quran dan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Keutamaan kita ialah memperkukuhkan lagi Fakulti dan Jabatan Pelajaran Universiti-universiti tempatan sebelum penubuhan Universiti Islam dapat difikirkan, insya Allah.

ANGKATAN TENTERA— MENAMBAHKAN ANGGOTA

8. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan menimbang keadaan keselamatan yang tidak stabil di rantau Asia Tenggara ini tidakkah Kerajaan bercadang hendak menambah bilangan anggota angkatan tentera kita, darat, laut dan udara, sekurang-kurangnya setanding dengan beberapa negara jiran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama

bentuknya pada 7hb November, 1979 yang lalu apabila beliau menjawab soalan Yang Berhormat dari Julau. Oleh yang demikian tidaklah perlu jawapan itu ditambah lagi, untuk memberi maklumat sepertimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

PASUKAN BOMBA—ALATAN MODEN

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa terdapat banyak bangunan-bangunan yang tinggi di negara ini. Jika ya, adakah Kementerian beliau menyediakan peralatan moden kepada pasukan bomba untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar adanya bangunan-bangunan yang tinggi di negara ini dan Jabatan Bomba telah pun menyediakan kelengkapan yang perlu bagi mencegah kebakaran di bangunan-bangunan tersebut.

DOKTOR LETAK JAWATAN

10. Tuan Seow Hun Khim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan telah menimbang dengan mendalam sebab-sebab mengapa doktor-doktor berhenti dari perkhidmatan Kerajaan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan perkhidmatan perubatan tidak akan kehilangan tenaga-tenaga yang mahir.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab syarat-syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa sekarang doktor-doktor yang ingin meletakkan jawatan tidak perlu memberi apa-apa alasan. Oleh itu, Kementerian ini tidak tahu dengan rasminya sebab-sebab doktor-doktor meletak jawatan. Walau bagaimanapun kadangkala adalah diketahui sebahagian daripada mereka yang berhenti adalah atas sebab-sebab peribadi umpamanya hendak melanjutkan pelajaran, hendak membuka klinik sendiri dan sebagainya.

Kementerian ini sentiasa berusaha untuk menggalakkan doktor-doktor dalam perkhidmatan terus berkhidmat dengan pihak Kerajaan. Dalam usaha ini sebuah Jawatan-kuasa yang dipengerusikan oleh Ketua

Pengarah Kesihatan telah ditubuhkan untuk mengkaji semula taraf jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi bagi doktor-doktor di Kementerian ini serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan doktor-doktor untuk terus berkhidmat dengan pihak Kerajaan. Jawatankuasa ini akan mengemukakan cadangan-cadangannya kepada Kerajaan tidak lama lagi.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Kesihatan, adakah beliau sedar banyak doktor-doktor tempatan kita meletakkan jawatan oleh kerana mereka tidak boleh lulus peperiksaan am oleh kerana mereka berkhidmat dalam hospital 24 jam, jadi tiada masa. Oleh sebab itu gajinya ditahan.

Sebab kedua ialah banyak doktor-doktor kontrek di Malaysia dapat gaji dua kali ganda jika dibanding dengan doktor-doktor tempatan yang berkhidmat di hospital kita. Oleh sebab frustration inilah mereka meletakkan jawatan.

Apakah tindakan Kementerian Kesihatan boleh diambil bagi menyelesaikan perkara ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi mengatakan salah satu daripada sebab-sebab ialah mereka tidak dapat lulus peperiksaan, jadi gaji mereka ditahan. Tuan Yang di-Pertua, peperiksaan ini bukanlah terhad kepada doktor-doktor sahaja bahkan terhad kepada semua yang mempunyai grade yang tinggi seperti Division I Officers dan Division II Officers. Masalah gaji mereka ditahan kerana mereka tidak lulus dalam peperiksaan itu saya rasa tidak begitu betul kerana peperiksaan itu mestilah ditamatkan dalam masa tiga tahun dan sungguhpun dalam probationary period mereka belum lulus peperiksaan gaji mereka masih meningkat.

Selain daripada itu, berkenaan doktor-doktor kontrek mendapat gaji dua kali ganda dari doktor-doktor tempatan, itu tidak benar sama sekali. Di mana Ahli Yang Berhormat itu mendapat maklumat itu saya pun tidak tahu. Saya ingin mendapat penjelasan dengan sebenar-benarnya dan minta bukti daripada Yang Berhormat di mana doktor-doktor dari luar negeri (expatriate doktor) dapat gaji dua kali ganda daripada doktor-doktor tempatan jikalau mereka mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sama. Apa yang kita selalu

buat ialah apabila kita menerima seorang doktor dari luar negeri (expatriate contract doctor) kita mengambil hitungan apabila kita hendak memberi gaji mereka dari segi pengalaman dan kelayakan mereka dan di sanalah kita akan meletak grade gaji mereka.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa salah satu daripada sebab-sebab mengapa doktor berhenti dari perkhidmatan Kerajaan ialah kerana apabila sampai masanya dalam setiap tahun untuk pihak Kementerian menimbangkan untuk kenaikan pangkat ataupun scale gaji khususnya, pihak Kerajaan tidak menggunakan kepakaran dan pengetahuan yang ada pada tiap-tiap doktor itu sebagai asas untuk kenaikan pangkat, tetapi ada dirasakan oleh beberapa doktor bahawa lain-lain criteria digunakan oleh pihak Kementerian, maka mereka terpaksa berenti daripada perkhidmatan Kerajaan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menafikan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bahawa kita tidak menggunakan kepakaran dan pengalaman sebagai asas kenaikan pangkat. Sebenarnya, ini yang kita gunakan sebagai asas kenaikan pangkat iaitu pengalaman, seniority dan kebolehan seseorang doktor itu.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sama ada sedar atau tidak salah satu sebab di mana banyak doktor-doktor yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan ialah oleh kerana Scheme of Service di dalam Kementerian Kesihatan untuk doktor-doktor tidak begitu attractive oleh kerana jawatan-jawatan seperti superscale sangat berkurangan kalau dibandingkan dengan jawatan-jawatan superscale di Civil Service. Jikalau Timbalan Menteri sedar masalah ini ialah masalah yang penting, adakah Kementerian Kesihatan ingin mengkaji semula Scheme of Service untuk doktor-doktor kita ini khasnya kepada doktor-doktor yang berkhidmat di luar bandar.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah sedikit sebanyaknya benar. Dan oleh itu sepertimana dalam jawapan saya tadi, satu jawatankuasa yang diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan

sedang mengkaji cara-cara dan bagaimana kita boleh memberi peluang kenaikan pangkat (promotional opportunities) terutama sekali kepada mereka seperti specialists dan lain-lain. Jadi laporan ini serta recommendation-nya akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa salah satu daripada sebab mengapa doktor berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan adalah kerana tarikan daripada pendapatan yang lumayan di dalam private practice ataupun di dalam mengendalikan perniagaan sendiri dan ada setengah-setengahnya pula oleh kerana mereka tidak begitu dedikasi untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Jika beliau sedar, apakah rancangan-rancangan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan untuk menentukan bahawa perkhidmatan perubatan bagi tenaga-tenaga mahir tidak kehilangan. Jadi, adakah beliau menyediakan rancangan untuk menghantar lebih banyak lagi doktor-doktor kita ke luar negeri misalnya untuk mendapatkan kemahiran, terutama sekali yang lulus daripada Universiti Kebangsaan dan sebagainya.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tarikan pendapatan yang lebih lumayan daripada private sektor itu salah satu saya rasa faktor yang besar menyebabkan beberapa orang doktor-doktor kita meletakkan jawatan dan masuk ke private sector. Dalam masalah ini kita patut menyedari bahawa pihak Kerajaan tidak berkemampuan untuk menandingi pihak private sector. Tetapi walau bagaimanapun dalam private practice itu ada juga disadvantagesnya, Tuan Yang di-Pertua. Masalah tidak begitu dedikasi, susahlah saya hendak menyatakan di sini kerana saya rasa saya tidak mempunyai bukti-bukti yang tertentu sebab mereka berhenti itu kerana kurang dedikasi dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang ada kita menghantar, boleh kata tiap-tiap tahun beberapa orang doktor-doktor kita ke seberang laut melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang tertentu dan juga menghantar mereka ke persidangan-persidangan, seminar dan conference supaya memberi mereka pengalaman yang lebih yang

mana kita harap akan memberi kegunaan yang besar kepada mereka dan kepada negara ini untuk menjalankan tugas dalam bidang perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker, Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa peperiksaan am adalah dikehendakki diambil dan mesti lulus oleh setiap pegawai Kerajaan Bahagian I sepertimana dikenakan kepada pegawai-pegawai Bahagian I di dalam jabatan-jabatan lain. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jenis pekerjaan yang dijalankan oleh doktor-doktor adalah jauh berbeza dengan jenis pekerjaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Bahagian I dalam beberapa buah jabatan yang lain. Oleh yang demikian, bolehkah pihak Kementerian menimbangkan untuk menurunkan taraf peperiksaan am supaya dia tidak menjadi satu sebab untuk menghalang doktor-doktor dari melanjutkan perkhidmatan mereka dalam Kerajaan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat membuat satu peperiksaan am khas untuk doktor-doktor sahaja buat setakat ini oleh kerana di kalangan doktor-doktor kita mereka juga terpaksa menjalankan urusan pentadbiran, terutama sekali apabila mereka merupakan seorang District Medical Officer dan Ketua di dalam satu-satu negeri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa tindakan sedang diambil oleh pihak Kementerian dan pihak Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan masalah ini kepada pihak yang berkuasa iaitu pihak Kerajaan supaya peperiksaan untuk doktor-doktor dan para-profesyen lain diubahsuai supaya ianya lebih layak untuk profesyen-profesyen yang tertentu iaitu peperiksaan am ini bertukarlah corak sedikit umpamanya kurang daripada masalah history tetapi lebih dalam masalah yang lain.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu bahawa Ahli-ahli Persatuan Doktor-doktor Malaysia (MMA) mengalu-alukan peralihan satu jawatankuasa yang tadi Timbalan Menteri sebutkan untuk mengkaji semula Skim Perkhidmatan doktor-doktor di negara kita ini dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam jawatankuasa ini adakah atau tidak wakil dari MMA. Jikalau ingin hendak mengadakan satu

jawatankuasa yang berkesan dan jikalau tidak ada wakil-wakil dari MMA atau Persatuan Doktor-doktor, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah menjemput mereka menghantar satu wakil di dalam jawatankuasa itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan dengan sah sama ada ada atau tidak wakil MMA dalam jawatankuasa ini, tetapi jawatankuasa ini merupakan satu jawatankuasa Kementerian. Walau bagaimanapun, ianya dipengerusikan oleh Director General dan saya yakin bahawa dia sendiri merupakan ahli MMA dan tujuannya semata-mata untuk menentukan dan memperbaiki lagi kedudukan dan peluang bagi para doktor kita.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, selepas mengkaji semula tanggagaji bagi doktor-doktor kita, apakah kedudukannya jika dibandingkan dengan tanggagaji bagi doktor-doktor di negara-negara rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir itu berkehendakkan notis, kalau Yang Berhormat hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, adakah Yang Berhormat ingat bahawa daripada satu kenyataan Kementerian Kesihatan pada tahun lepas yang mana pihak Kementerian akan mengeluarkan satu laporan atau satu kajian atas sebab-sebab doktor-doktor leave Government service. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingat perkara ini, adakah laporan itu sudah siap atau belum.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar masalah laporan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun kita sentiasa; sungguhpun pihak para doktor ini kalau mereka orang berhenti tidak perlu memberi alasan-alasan yang tertentu, kadangkala dalam borang yang ada sekarang kita memang ada taruh satu ruangan untuk sebab-sebab berhenti. Kadangkala bahagian ini diisi, kadang-kadang tidak. Dan tidaklah menjadi satu mandatory bagi mereka menentukan sebab-sebab mereka berhenti. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengkaji sebab-sebab mereka berhenti daripada laporan-laporan ini

kerana ini saya rasa adalah penting dan perlu bagi kita untuk mencari jalan mengatasi segala kesulitan yang dihadapi oleh para doktor ini apabila mereka hendak berhenti. Sungguhpun ada beberapa sebab yang dialami oleh mereka itu, saya rasa susah hendak diatasi. Umpamanya masalah peribadi, masalah perpisahan dengan keluarga kalau seseorang doktor itu hendak ditransfer. Sekiranya seorang itu mempunyai anak yang bersekolah di sini, lepas itu si suami ditransfer ke suatu tempat katalah di Ulu Kelantan di mana kemudahan tidak ada. Jadi choiceny sama ada membawa anak itu pergi ke Ulu Kelantan di mana tidak ada mempunyai kemudahan seperti ini ataupun bercerai dengan anak dan isterinya. Itu kadangkala satu jalan keluar bagi doktor-doktor itu keluar daripada bekerja dengan Kerajaan dan mencari kerja lain. Ini boleh senang dibuatkan oleh kerana the demand for doctors in the market is very great. Mungkin

Tuan Yang di-Pertua: Apa maknanya itu? (*Ketawa*)

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya bahawa kemahuan bagi doktor-doktor di dalam pasaran kita sekarang adalah berlebihan daripada yang kita dapat berikan. Tetapi mungkin tidak begitu di dalam profesion-profesion yang lain.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah menyatakan bahawa permintaan terhadap doktor dalam masyarakat kita terlampau tinggi. Apakah nisbah ini, permintaan yang begitu tinggi itu adalah diakibatkan oleh terlampau ramai orang yang memohon rawatan ataupun orang sakit dibandingkan dengan jumlah doktor-doktor, dan apakah tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan. Pertama, untuk meninggikan terus taraf kesihatan rakyat supaya jangan terlampau ramai orang meminta rawatan dan terlampau ramai orang sakit. Kedua, tindakan yang lebih cepat supaya menambah bilangan para doktor supaya dapat disingkatkan dengan secepat mungkin dari nisbah orang-orang yang sakit di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini sudah bertambah luas berkenaan dengan ini tetapi sebahagian daripadanya bolehlah dijawab oleh Yang Berhormat.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, nisbah ataupun ratio yang kita kehendaki itu adalah perbuatan kita sendiri iaitu kita berkehendakkan seorang doktor untuk begitu banyak, katakan kita berkehendakkan seorang doktor untuk 5,000 orang. Jadi daripada situ relativitinya memang sudah kurang bilangan doktor dibandingkan dengan penduduk di negara ini. Kita boleh mengatakan bilangan doktor kita mencukupi tetapi tambahkan ratio satu kepada 20,000 orang. Selain daripada itu tindakan yang diambil untuk menambahkan bilangan doktor kita, saya rasa ini merupakan satu tindakan jangka panjang (long term action) dengan menambahkan bilangan-bilangan pengambilan medical students atau penuntut-penuntut perubatan di universiti tempatan. Dalam hubungan ini pihak Kementerian memang sentiasa berhubung rapat dengan pihak Kementerian Pelajaran supaya dapat menambahkan lagi bilangan penuntut-penuntut perubatan di universiti-universiti tempatan dan juga memang ada cadangan sekarang hendak menubuhkan satu fakulti ketiga dalam bidang perubatan dan saya yakin, ini akan dapat menambahkan lagi bilangan doktor-doktor kita pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu masalah adakah bilangan orang sakit kita bertambah. Saya rasa orang-orang kita sekarang lebih sedar dalam masalah kesihatan, oleh itu sedikit sakit hendak berjumpa doktor. Kalau dahulu kita sanggup berjumpa Pembantu Hospital tetapi sekarang kita tidak mahu, kita mesti hendak berjumpa doktor dan tidak juga ada doktor itu. Kita hendak berjumpa dengan Specialist. Inilah merupakan satu aspirasi, expectation dan juga apa yang kita terpaksa hadapi dalam menghadapi satu-satu progress.

KESESAKAN LALULINTAS DI BUKIT MERTAJAM

11. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah-masalah yang berkait dengan kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan Ahli Yang

Berhormat itu oleh kerana urusan untuk mengawal trafik dan kesesakan lalulintas dalam sesuatu kawasan Kerajaan Tempatan bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian saya tetapi di bawah tanggungjawab Pihakberkuasa Tempatan yang berkenaan.

MINYAK DIESEL KEPADA NELAYAN

12. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kaum nelayan di beberapa tempat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia mengalami kesusahan untuk mendapatkan minyak diesel bagi kegunaan bot-bot mereka. Kalau ya, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk mengatasi soal ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang mempunyai maksud yang sama telahpun dijawab pada 9hb November yang lalu ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi.

BEKALAN API ELEKTRIK DI NILAM PURI

13. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar tentang kekurangan dan kerapnya gangguan bekalan api elektrik di dalam kawasan Parlimen Nilam Puri, Kelantan. Jika ya, apakah sebarang tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar masalah kekurangan voltan dan gangguan bekalan elektrik yang sering dialami oleh pengguna-pengguna di kawasan Nilam Puri khasnya Kg. Pendek.

Kekurangan voltan ini adalah disebabkan oleh bilangan pengguna yang terlalu ramai, jarak antara substation yang terlalu jauh dan saiz kebel yang tidak sesuai untuk menampung keupayaan yang tinggi. Bagi mengatasi masalah ini pihak L.L.N. sedang mengambil tindakan untuk menukarkan kebel di Kg. Pendek dari kebel Phase I ke kebel Phase 3

dan memasang alat ubah galak (voltage stabiliser) pada talian untuk menambahkan keupayaan. Kerja-kerja ini dijangka siap pada bulan Februari tahun depan.

Mengenai gangguan bekalan elektrik pula sukalah dimaklumkan bekalan elektrik ke kawasan Nilam Puri adalah dibekalkan melalui talian atas voltan tinggi 33,000 voltan yang mana talian ini juga digunakan untuk membekalkan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan Bachok, Pasir Puteh, dan seterusnya ke Jerneh, iaitu sepanjang lebih kurang 50 batu. Disebabkan talian ini terlalu panjang maka kadar gangguan bekalan elektrik kepada pengguna adalah tinggi. Gangguan-gangguan ini selalunya berpunca dari sambaran petir. Pihak L.L.N juga kadangkala terpaksa mengambil masa untuk mengesan kerosakan tersebut. Walau bagaimanapun L.L.N. akan mengambil tindakan memulihkan bekalan elektrik secepat mungkin pada tiap-tiap kali kerosakan itu berlaku.

Bagi mengurangkan gangguan bekalan elektrik di kawasan Nilam Puri ini L.L.N. sedang membina sebuah stesyen suis 33,000 Voltan di Pasir Puteh yang dijangka siap dipertengahan tahun 1981. Stesyen ini mengandungi alat (circuit breakers) yang boleh memisahkan talian atas 33,000 Voltan di antara Pasir Puteh dan Besut. Adalah diharapkan masalah gangguan bekalan elektrik ini akan dapat diatasi apabila siap pembinaan Stesyen Suis yang baru di Pasir Puteh kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Gangguan ini bukan di Nilam Puri sahaja, di kawasan Damansara Heights itu selalu tiap-tiap bulan ada (*Ketawa*).

SIMEN—PENGELUARAN TEMPATAN

14. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa terdapat kekurangan dalam pengeluaran simen tempatan, sama ada lebih banyak lagi kilang-kilang simen akan dibenarkan wujud, dan sama ada "fiasco simen" disebabkan kerana kesan-kesan yang buruk Akta Penyelarasan Perindustrian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-

Pertua, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan perkataan 'Fiasco simen' dan saya tidak nampak apa-apa kaitannya di antara fiasco simen dengan Akta Penyelarasan Perindustrian.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan yang mulia ini telah beberapa kali dimaklumkan bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian bukanlah menjadi penghalang kepada pelabur, sama ada pelabur tempatan ataupun luar negeri. Ini adalah terbukti dengan adanya penambahan bilangan kelulusan projek-projek perindustrian pada tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, dari siasatan yang dibuat oleh Kementerian saya tidak terdapat kekurangan pengeluaran simen dari kilang-kilang simen tempatan. Pada masa ini jumlah pengeluaran keempat-empat kilang simen yang ada, iaitu Tasek Cement Sendirian Berhad, Associated Pan Malaysian Cement (APMC), Cement Industries of Malaysia (CIMA) dan Malayan and Mining Corporation (MIMCO) adalah sebanyak 2.2 juta tan. Kekurangan berlaku hanya di beberapa tempat sahaja disebabkan oleh masalah pengangkutan dan masalah ini telah dapat diatasi dengan adanya kerjasama daripada Keretapi Tanah Melayu.

Berkenaan dengan pembukaan kilang-kilang simen yang baru, setakat ini Kementerian saya telahpun meluluskan sebanyak 3 buah kilang simen di Semenanjung Malaysia dan sebuah lagi di Sarawak. Satu daripadanya telahpun memulakan pengeluaran, iaitu Syarikat Cement Manufacturers Sarawak Sendirian Berhad, manakala 3 buah lagi masih dalam peringkat perancangan dan perlaksanaan.

Selanjutnya baru-baru ini Kementerian saya telah juga meluluskan rancangan pembesaran (expansion programme) bagi syarikat APMC. Apabila kilang-kilang ini berjalan dengan keupayaan sepenuhnya, pengeluaran simen di negara ini dijangka sebanyak 6.4 juta tan bagi tahun 1982. Dengan pengeluaran sebanyak ini dan permintaan yang dianggarkan sebanyak 3.5 juta tan, keperluan dalam negeri akan dapat dipenuhi dan di samping itu simen yang berlebihan boleh dieksport.

MINYAK DIESEL/TANAH KEKURANGAN

15. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab yang sebenar berlakunya kekurangan minyak disel dan minyak tanah di negara kita akhir-akhir ini dan sama ada bahawa kekurangan itu sengaja diadakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di negara ini.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Keluang pada 17hb Oktober, 1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan yang telah diberi itu.

GURU BAHASA INGGERIS DARI UNITED KINGDOM

16. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab 200 guru-guru Bahasa Inggeris dari England yang tidak mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia telah diambil untuk berkhidmat oleh Kementerian padahal ada ramai guru-guru Bahasa Inggeris tempatan yang berkelayakan dan menganggur yang sanggup memberikan khidmat mereka.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, Guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom adalah diambil secara kontrek sebagai langkah sementara bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Guru-guru ini kesemuanya mempunyai pengalaman dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan juga bahasa asing di negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Oleh kerana guru-guru ini adalah guru-guru kontrek, mereka tindaklah di termasuk dalam perjawatan tetap (permanent establishment) di dalam perkhidmatan perguruan di Malaysia. Dengan demikian guru-guru ini tidaklah perlu memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat guru-guru ini adalah diminta mempelajari Bahasa Malaysia semasa mereka berkhidmat di negara ini nanti.

Kementerian saya kurang pasti tentang terdapatnya guru-guru yang berkelayakan mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang dikatakan sedang menganggur sekarang. Setahu saya semua guru-guru terlatih di dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua telahpun diambil mengajar malah Kementerian saya sekarang mengalami kekurangan guru-guru di bidang-bidang tersebut dan bersedia untuk menerima guru-guru yang mempunyai kelulusan tersebut apabila mereka memohon jawatan. Sambil itu Kementerian saya juga telah dan sedang berusaha dengan gigihnya melatih ramai guru-guru dalam bidang ini. Guru yang mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama memang ramai tetapi mereka yang mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua amat berkurangan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah bilangan guru-guru yang dikatakan itu tidak dihitungkan mengikut bilangan guru di sekolah itu, misalnya kalau sekolah rendah 1.2 pada satu darjah dan kalau sekolah menengah 1.43 kalau tak silap saya.

Yang kedua, berapa lamakah kontrek yang ikat itu?

Yang ketiga, adakah sebahagian daripada guru-guru itu dihantar ke negeri Kelantan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, jawapan yang pertama, guru-guru ini tidak dapat dipastikan, ia akan dikira dalam 1.2 atau 1.43 tetapi ini barangkali bergantung kepada kepastian daripada bahagian sekolah.

Yang kedua, kontrek mereka ialah cuma 3 tahun. Kita berharap dalam masa itu, kita sudah cukup guru-guru tempatan melalui latihan kita dapat mengambil alih tempat mereka.

Yang ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Adakah dihantar ke Kelantan?

Dato' Chan Siang Sun: Kelantan belum dipastikan lagi tetapi tentu saya akan ambil ingatan.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bahawa adakah guru-guru bahasa Inggeris dari England ini dihantar ke Sarawak untuk berkhidmat di sana dan beri bilangan. Jika tidak, apakah sebabnya?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, Sarawak dan Sabah — maaf, saya tidak dapat pastikan tetapi barangkali kita akan mengambil perhatian atas perkara ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada berkata bahawa didapati tidak ada guru-guru, kalau saya tak silap yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam sekolah-sekolah kita. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu kajian telah dibuat untuk menentukan bahawa tidak ada lagi guru-guru yang berkelayakan di negara kita yang boleh mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan sama ada beliau sedar bahawa ada guru-guru yang berijazah yang pernah mengajar bahasa Inggeris yang tidak lagi dibenarkan mengajar bahasa Inggeris tetapi mengajar matapelajaran-matapelajaran yang lain. Mengapakah guru-guru ini tidak digunakan untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua?

Tuan Yang di-Pertua: Soal yang pertama itu sudah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu setahunya tidak ada guru-guru yang berkelayakan mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua yang menganggur. Tetapi soal yang lain itu bolehlah.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya hendak tambah sedikitlah

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tambahlah seberapa banyak—boleh (*Ketawa*)

Dato' Chan Siang Sun: Di atas apa yang Tuan Speaker sudah komen tadi. (*Ketawa*) Saya tidak mengatakan langsung tidak ada. Ada tetapi banyak kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang kurang Yang Berhormat? Setahu saya tadi Yang Berhormat berkata

Dato' Chan Siang Sun: Bukan, bukan . . .

Tuan Yang di-Pertua: setahu Yang Berhormat tidak ada guru-guru bahasa Inggeris sebagai guru yang mengajar bahasa kedua yang menganggur. Betul tidak? Itu kata Yang Berhormat tadi.

Dato' Chan Siang Sun: Yang menganggur, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi maknanya semua sudah digunakan.

Dato' Chan Siang Sun: Itu betul. Yang Berhormat itu mengatakan tidak ada guru tetapi saya kata ada tetapi banyak, banyak kurang (*Ketawa*). Jadi ada tiga atau empat orang di sini, mereka ada pengalaman mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tetapi mereka tidak mahu pergi ke luar bandar. Mereka mahu ditempatkan di Kuala Lumpur. Jadi susah sedikit. Kalau mereka sanggup berkhidmat di luar bandar bila-bila kita boleh tawar (*offer*).

Soalan tambahan yang kedua mengatakan tahukah saya ada guru-guru yang ada pengalaman mengajar bahasa Inggeris tetapi sudah diarahkan mengajar mata pelajaran yang lain. Jikalau mana-mana sekolah ada keadaan yang semacam ini saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh memberi tahu saya supaya perkara ini akan dapat dibetulkan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pengambilan 200 guru-guru daripada luar negeri ini adalah sebagai guru-guru kontrek. Saya ingin bertanya sama ada pengambilan guru-guru daripada England ini juga sebagai salah satu publisiti Kerajaan untuk menunjukkan kepada rakyat betapa pentingnya pelajar-pelajar kita berminat untuk belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua di sekolah-sekolah memandangkan bahawa pelajar-pelajar kita terpaksa pergi ke luar negeri jikalau mereka hendak melanjutkan pelajaran selepas tamat belajar di universiti-universiti tempatan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, jikalau dipandang dari segi publisiti seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu barangkali boleh dikatakan satu sebab tetapi sebab yang sebenarnya ialah untuk

mengajarkan murid-murid kita dengan pengajaran moden dan juga dapat tahu dari segi moden Inggeris kepada kita.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 dan 18 adalah diberi di bawah ini.)

PENDUDUK KAMPUNG BARU— HAK MILIK TANAH

17. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah utama “kekurangan tanah dan hak milik yang tidak kekal” yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 88 Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah “kekurangan tanah dan hakmilik yang tidak kekal” adalah satu proses yang melibatkan kuasa ke atas tanah. Mengikut perlembagaan Malaysia perkara-perkara mengenai tanah adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Kementerian saya ada membuat

Mengenai masalah hak milik tanah yang tidak kekal, Kementerian saya telah berhubung dengan pihak Negeri yang berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Semenjak tahun 1976 hingga 1-1-79 kecapaian pengeluaran hak milik tanah adalah seperti berikut:

Jumlah Lot semuanya	Jumlah hak milik yang dikeluarkan pada 1-1-76	Jumlah hak milik yang dikeluarkan pada 1-1-79	Kemajuan semenjak 1-1-76—1-1-79
123,942	52,990	59,701	6,711

Permohonan-permohonan bagi geran-geran tanah oleh penduduk-penduduk yang masih belum diselesaikan sedang diproses oleh pihak-pihak yang berkenaan tetapi tarikh penyelesaiannya adalah bergantung kepada keadaan di negeri-negeri yang berkenaan kerana seperti Yang Berhormat sedia maklum perkara tanah adalah di bawah kuasa pihak Negeri seperti yang termaktub di dalam

perhubungan yang rapat serta kerjasama yang erat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan mengenai hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak dapat memberi jaminan bahawa sempadan kampung-kampung ini akan diperluaskan oleh kerana mereka juga menghadapi masalah-masalah keperluan tanah; bukan sahaja dari penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada Negeri-negeri yang telah mengambil langkah untuk memperluaskan kawasan kampung-kampung baru. Negeri Selangor dan Negeri Sembilan ada cadangan “comprehensive” untuk memperluaskan kampung-kampung baru. Bagi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu peruntukan untuk tujuan ini, manakala di Negeri Sembilan semua projek masih di dalam peringkat perancangan. Di Negeri Melaka pula ada satu rancangan untuk memperluaskan tapak perumahan di sebuah kampung baru.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya bersama-sama dengan agensi Kerajaan yang lain telah menjalankan satu kajian pada tahun 1977 untuk memahami secara mendalam masalah yang dihadapi di Kampung-kampung Baru dan Kampung-kampung Tradisional yang berdekatan. Syor-syor untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisional yang berdekatan-nya masih di dalam pertimbangan Kerajaan.

Perlembagaan kita. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa berhubung dengan pihak yang berkenaan mengenai perkara ini.

PEMANGKU YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG—LANTIKAN

18. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Undang-undang menyatakan peruntukan manakah yang membenarkan

seorang ahli politik yang masih memegang jawatan politik dilantik menjadi pemangku Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang baru-baru ini dan sama ada lantikan ini bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan mengandungi peruntukan-peruntukan yang kena dimasukkan dalam semua Perlembagaan Negeri. Seksyen 19B Jadual itu memperuntukkan bahawa seseorang bukan warganegara atau seseorang warganegara dengan cara masukan atau dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri. Yang di-Pertua Negeri juga tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan dan tidak boleh mengambil bahagian secara aktif dalam apa-apa enterpris perdagangan. "Jawatan berpendapatan" ditakrif dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai bererti apa-apa jua jawatan sepenuh masa dalam mana-mana di antara perkhidmatan-perkhidmatan awam yang dinyatakan dalam Perkara 132 dan adalah termasuk—

- (a) jawatan hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi; dan
- (b) jawatan Ketua Odit Negara; dan
- (c) jawatan ahli Suruhanjaya Pilihanraya, jawatan ahli (selain dari ahli ex-officio) sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian 10 Perlembagaan Persekutuan, atau jawatan ahli (selain dari ahli ex-officio) mana-mana Suruhanjaya yang bersamaan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan sesuatu Negeri; dan
- (d) apa-apa jawatan lain yang tidak dinyatakan dalam Fasal (3) Perkara 132 yang boleh diisytiharkan sebagai suatu jawatan berpendapatan melalui Akta Parlimen.

Peruntukan-peruntukan ini adalah tertulis di dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan Enakmen Pegawai Mentadbir Kerajaan (Pulau Pinang) 1958 membolehkan Yang di-Pertua Agong selepas berunding dengan Ketua Menteri melantik seseorang menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertua Negeri dalam masa Yang di-Pertua Negeri tidak dapat menjalankan sendiri tugas-tugas itu oleh kerana sakit, tidak ada dalam Negeri atau

apa jua sebab lain. Seksyen 6 Enakmen tersebut menetapkan bahawa seseorang tidak boleh dilantik sebagai Pegawai Mentadbir Kerajaan kecuali jika ia layak dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri di bawah Perlembagaan Negeri itu.

Dari segi Perlembagaan, pemegang jawatan Pegawai Mentadbir Kerajaan, Negeri Pulau Pinang, yang ada sekarang adalah layak dilantik sedemikian oleh kerana beliau tidak tergolong sebagai seorang bukan warganegara atau sebagai seorang warganegara dengan cara masukan atau dengan cara pendaftaran atau sebagai seorang yang memegang jawatan berpendapatan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Ketiga*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 15. B. 16. B. 17. B. 18. B. 19. B. 20 dan B. 21 (Jadual) —

Maksud P. 15. P. 17. P. 18. P. 19 dan P. 20 (Anggaran Pembangunan. 1980) —

Perbahasan disambung semula

Tuan Pengerusi: Majlis sedang menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Bekalan dan juga Pembangunan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pada hari semalam saya ada menarik perhatian Dewan ini kepada

pemaju-pemaju perumahan yang palsu dapat mengelak perhatian Kementerian yang berkenaan apabila mereka membuat iklan-iklan dalam surat khabar menjemput orang ramai untuk membuat permintaan berjenis-jenis rumah pangsa.

Tuan Pengerusi, di sini saya ada satu contoh sebagai membuktikan apa yang telah dikatakan oleh saya pada hari semalam - ini ialah satu daripada contohnya. Ini ialah iklan dalam suratkhabar bahasa Cina dan di dalam iklan itu saya nampak tidak ada menyebut mengenai nombor permit iklan ataupun nombor lesen syarikat pemaju perumahan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Apa nama suratkhabar itu dan berapa haribulan.

Tuan Lee Lam Thye: Ada dua surat-khabar di sini. Satu ialah dari suratkhabar - *Kim Kwok Daily News* yang bertarikh 27hb September, 1979 dan yang kedua ialah surat-khabar *Nanyang Siang Pau* yang bertarikh juga 27hb September, 1979.

Semalam saya ada berkata, Tuan Pengerusi, bahawa apabila satu syarikat pemaju perumahan yang sah kalau syarikat itu hendak membuat iklan perkara-perkara yang berikut mestilah disebut dalam iklan itu. Semalam saya kata misalnya :

- (1) Nombor lesen pemaju perumahan.
- (2) Nombor permit iklan.
- (3) Tenure of land seperti freehold.
- (4) Sama ada title individu boleh didapati.
- (5) Perkara mengenai tarikh bila skim perumahan ini dapat siap dan sama ada pinjaman dapat diperolehi.

Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi mesti terkandung dalam iklan-iklan skim perumahan yang sah. Tetapi dalam iklan-iklan yang tersiar dalam surat-surat khabar tempatan khususnya suratkhabar berbahasa Cina - tadi saya ada tunjuk satu bukti, syarat-syarat itu langsung tidak disebut dan saya amat terperanjat mengapa dan bagaimana iklan-iklan seperti itu dibenarkan tanpa apa-apa tindakan balas dan juga tindakan yang tegas diambil terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Punca masalah yang saya maksudkan tadi bukan terhad kepada iklan-iklan yang tidak betul sahaja. Apa yang lebih serius ialah

syarikat atau agen mereka yang membuat iklan dalam suratkhabar bukanlah pemaju perumahan yang sah tetapi pemaju perumahan palsu oleh kerana mereka belum memohon dan mendapat lesen untuk bergerak sebagai sebuah syarikat pemaju perumahan.

Masalah ini pada pandangan saya amatlah serius dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah aktiviti-aktiviti seperti itu dibenarkan untuk diteruskan hingga hari ini tanpa apa-apa tindakan balasan daripada kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dalam sidang Belanjawan yang lepas, saya telah memberi dua contoh mengenai penyelewengan yang telah disebutkan oleh saya tadi, pertama Syarikat yang bernama Mutiara Biru dan yang kedua, ialah Syarikat Y.R. Development Sdn. Bhd. kedua-dua pejabat syarikat itu terletak di tempat yang sama di Wisma PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Kedua syarikat yang tersebut itu bukanlah syarikat pemaju perumahan yang berlesen, akan tetapi mereka mengiklankan skim perumahan mereka dalam surat khabar tempatan dan memungut wang pendaftaran dan wang tempahan daripada bakal-bakal pembeli rumah.

Saya amat kesal, sungguhpun saya telah mendedahkan kedua-dua kes ini dalam sidang Belanjawan yang lepas akan tetapi mereka masih bergerak lagi.

Saya hendak mendapat tahu mengapakah Kerajaan tidak dapat mengesan dan menghentikan kegiatan mereka?

Sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab kepada rakyat saya suka menggesa Kerajaan supaya memperkenalkan undang-undang yang bertujuan untuk mencegah pemaju-pemaju harta tanpa lesen dari melakukan apa-apa bentuk kegiatan yang melibatkan kutipan wang daripada orang ramai khususnya mencegah mereka membuat iklan-iklan tanpa permit iklan.

Satu undang-undang seumpama ini adalah telah lama diperlukan memandangkan terdapatnya dua pemaju-pemaju harta yang tak berlesen di Kuala Lumpur yang masih dalam penyiasatan Kementerian Perumahan kerana membuat kutipan bayaran tempahan untuk lot tanah dan rumah yang tak sah di sisi undang-undang.

Tanpa undang-undang tersebut atau kerana terdapat beberapa kelemahan dalam undang-undang yang ada maka kegiatan-kegiatan ini senang dijalankan dan susah untuk dibendung. Tanpa mengetahui syarat-syarat sebenar, orang ramai terus membuat bayaran tempahan untuk pembelian mereka.

Adalah menjadi pandangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa mereka tidak boleh melakukan sebarang tindakan terhadap masalah ini kerana pemaju-pemaju yang disebutkan itu tidak berlesen dan tidak tertakluk di bawah penguasaan Kementerian Perumahan. Keduanya, apa yang terlibat ialah penjualan lot-lot tanah dan tidak rumah-rumah.

Pada fikiran saya Tuan Pengerusi, pandangan ini tidak memuaskan hati kerana Kerajaan mempunyai satu tanggungjawab untuk mengambil berat di atas hak dan kepentingan orang ramai dan sekurangnya patut melakukan sesuatu untuk menyiasat dan bertindak terhadap perkara ini.

Kementerian Perumahan ada menyatakan bahawa ini adalah tanggungjawab Kementerian Tanah dan Polis untuk mengambil perhatian terhadap masalah ini.

Walaupun pengaduan-pengaduan telah dilaporkan kepada pengetahuan pihak Polis, tetapi pihak polis pula tidak dapat membuat apa-apa untuk membawa syarikat perumahan yang palsu itu ke mahkamah dan menghentikan mereka daripada bergerak.

Berkenaan dengan Kementerian Tanah, masih belum terdapat apa-apa undang-undang untuk mencegah pemaju-pemaju harta tanpa berlesen itu daripada menjualkan lot-lot tanah.

Saya suka menyeru Kerajaan supaya mengambil beberapa tindakan terhadap pemaju-pemaju harta tanpa lesen ini terutamanya yang melibatkan kutipan wang daripada orang ramai yang sah salah di sisi undang-undang.

Oleh hal yang demikian, saya menyeru Kementerian supaya memberi pengawasan yang lebih ketat terhadap aktiviti-aktiviti syarikat perumahan yang palsu bagi mengesan pemaju-pemaju perumahan yang haram supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka.

Memandangkan perkara di atas, saya ingin mencadangkan yang berikut:

- (1) Menyemak semula Akta Pemaju-pemaju Perumahan yang ada sekarang dan mengesan kelemahan-kelemahan yang ada yang patut dibaiki untuk menghalang pemaju-pemaju yang palsu daripada bergerak. Mencari kemungkinan meminda selanjutnya Akta ini bagi membolehkan pemaju-pemaju perumahan ini tidak dapat bergerak langsung.
- (2) Memperkuat Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perumahan supaya lebih mengawasi dan mengesan serta bertindak terhadap pemaju-pemaju perumahan itu.
- (3) Untuk menentukan perjalanan atau pelaksanaan undang-undang, khususnya undang-undang berkaitan dengan iklan yang ada sekarang dengan tujuan mencegah sesiapa pemaju perumahan daripada membuat apa-apa iklan-iklan dalam suratkhbar mengenai penjualan rumah atau tapak rumah tanpa permit iklan.

Di bawah Kepala B. 15, Aktiviti (5) (i)—Penyelarasan dan Pelaksanaan. Tuan Pengerusi, Bahagian ini diberi tugas untuk menjalankan program perumahan awam kos rendah bagi melengkapkan dan membantu Kerajaan negeri dalam usaha membina rumah-rumah kos rendah bagi memenuhi keperluan perumahan negara.

Saya berpendapat bahawa setakat ini dasar perumahan awam kos rendah negara telah gagal untuk mencapai tujuan keperluan perumahan kos rendah rakyat khususnya di peringkat negeri-negeri. Setakat ini pelaksanaan program perumahan awam kos rendah ini tidak memuaskan dan penyelarasannya tidak begitu baik. Ini adalah satu sebab yang menimbulkan satu ketinggalan yang besar apabila kita lihat akan matlamat 73,506 yunit perumahan kos rendah yang telah disemak semula di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, ianya kurang daripada 20% yang telah disiapkan oleh Kementerian berkenaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan patutlah mengambil berat tentang ketinggalan yang besar ini serta mengkaji sebab-sebab sebenar yang ini telah berlaku

dan bertindak untuk mengatasinya. Sesungguhnya masa telah tiba bagi Kerajaan untuk menyemak semula dasarnya mengenai pembinaan rumah-rumah kos rendah dan merangka satu strategi perumahan kos rendah yang dinamis untuk dilaksanakan seperti yang saya ucapkan semasa membahaskan Belanjawan 1980 yang lalu.

Apa yang saya suka mencadangkan ialah bahawa pembinaan perumahan awam kos rendah patutlah dititik-beratkan dan dalam hubungan ini saya berpendapat bahawa tiap-tiap negeri hendaklah menubuhkan Lembaga Pembangunan Perumahan Awam Kos Rendah (Low-cost Housing Development Authority) yang bertanggungjawab untuk merangka strategi yang lebih dinamis untuk mengatasi kekurangan rumah kos rendah di negara kita.

Merujuk kepada Aktiviti (5) (ii)—Pengawasan dan Penguatkuasa, saya ingin bertanya berapakah pegawai-pegawai penguatkuasa yang telah dilantik sehingga hari ini untuk menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan oleh bahagian ini? Biarlah saya tegaskan di sini bahawa Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa hanya boleh bergerak secara berkesan sekiranya bahagian itu dapat dilengkapi dengan kakitangan penguatkuasa yang cukup.

Atas perkara yang sama saya ingin menyentuh satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah. Dan ini ialah pelanggaran syarat-syarat kontrak yang kerap kali dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab selepas perjanjian jual-beli rumah ditandatangani.

Tuan Pengerusi, meskipun terdapat pemaju-pemaju perumahan yang jujur tetapi terdapat juga pemaju perumahan yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab.

Golongan pemaju-pemaju perumahan inilah yang memberikan pembeli-pembeli rumah layanan yang tidak adil, tidak baik dan tidak memuaskan serta juga melanggar segala peruntukan dalam kontrak jual-beli rumah.

Suratkhabar-suratkhabar tempatan seringkali menyiarkan surat-surat aduan daripada pembeli-pembeli rumah yang menceritakan bagaimana mereka diberi layanan yang tidak

adil dan memuaskan oleh pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab. Melalui surat-khabar-surat-khabar itu mereka meminta Kementerian yang berkenaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tetapi pembeli-pembeli rumah ini setiap kali diminta berhubung dengan peguam-peguam mereka untuk membangkitkan kes-kes mereka di mahkamah biasa.

Tuan Pengerusi, perlu dinyatakan di sini bahawa jika pembeli-pembeli rumah dikehendaki mendapatkan keadilan mereka di dalam mahkamah biasa, ini merupakan satu proses yang bukan saja amat panjang tetapi juga melibatkan banyak perbelanjaan.

Adalah diketahui umum pertelingkahan perumahan akan mengambil masa yang panjang sebelum ianya dihakimkan dalam sebuah mahkamah biasa dan akibatnya pembeli-pembeli rumah akan mengalami banyak kerugian.

Memandangkan kepada hal ini saya merasa sudahlah sampai masanya bagi kementerian dengan kerjasama Persatuan Pemaju Perumahan untuk mempercepatkan pengemukaan perjanjian yang standard mengenai jual-beli rumah bagi melindungi pembeli-pembeli (standard sale and purchase agreement for housing) atas kepentingan orang ramai.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan terhadap kedudukan perjanjian yang dirujukkan oleh saya memandangkan bahawa banyak telah diperkatakan oleh pihak Kementerian atas perkara ini pada masa lepas tetapi nampaknya sehingga hari ini saya belum mendapati bilakah perjanjian jual-beli yang sama ini dapat dilaksanakan?

Atas Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa, saya ingin membangkitkan satu perkara yang serious yang saya fikir tidak teratur dan menyalahi Undang-undang. Ini ialah berkaitan dengan kutipan bayaran pendaftaran atau dalam bahasa Inggeris registration fee, kutipan registration fee oleh setengah-setengah pemaju perumahan semasa mendaftarkan nama seseorang sebagai bakal pembeli.

Tuan Pengerusi, nampaknya pembayaran pendaftaran atau registration fee ini ialah satu jenis pembayaran baharu yang tidak termaktub di dalam Undang-undang Perumahan. Pembayaran ini adalah formality apabila mendaftarkan nama seseorang pembeli dalam bukan daftar pemaju-pemaju, tidak seperti bayaran tempahan ataupun booking fee yang ada dalam Undang-undang. Tidak seperti bayaran tempahan yang memberikan bakal-bakal pembelinya satu pilihan membeli rumah yang mereka suka tetapi bayaran pendaftaran ini atau registration fee ini tidak mempunyai tujuan apa-apa dan ini nampaknya menjadi satu hal yang baharu bahawa pemaju-pemaju cuba memperkenalkannya. Saya ingin tahu samada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari hal ini dan apakah tindakan Kementerian yang berkenaan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang terlibat dalam kutipan bayaran pendaftaran ini. Di sini suka saya merujuk perhatian Dewan ini kepada satu laporan yang tersiar dalam suratkhbar *The Malay Mail* pada 10hb Oktober, 1979 di mana ada menyatakan bahawa Kementerian yang berkenaan sedar dan mereka akan mengambil tindakan untuk menyasat hal ini. Tetapi saya suka mendapat tahu apakah hasil penyiasatan terhadap perkara ini.

Di sini saya suka memberi satu contoh mengenai apa yang telah saya sebutkan. Baharu-baharu ini sebuah Syarikat Pemaju Perumahan bernama Sri Alam Sendirian Berhad telah mempelawa orang ramai mendaftarkan diri sebagai calon untuk membeli rumah di atas Lot 82 Mukim Kelang dengan cara mendaftar dan membuat bayaran pendaftaran, bayaran pendaftaran yang disebutkan ialah \$50.00. untuk rumah-rumah murah dan flat. \$100 untuk rumah-rumah terrace setingkat dan dua tingkat, dan \$200 untuk rumah kedai, rumah separuh berkembar dan banglow. Bayaran-bayaran pendaftaran ini bukanlah bayaran tempahan yang telah saya katakan tadi tetapi bayaran kerana mendaftarkan nama sebagai bakal pembeli rumah sahaja. Bayaran pendaftaran itu akan dikembalikan semula jika pemohon tidak diberikan tawaran secara bertulis. Itu ialah apa yang ada dikatakan oleh Syarikat itu dalam satu circular atau surat pekeliling kepada bakal-bakal pembeli rumah dan bayaran tersebut akan dikira hangus sekiranya pemohon menolak tawaran,

sedangkan pemohon-pemohon yang menarik diri sebelum mereka ditawarkan rumah-rumah akan kehilangan bayaran-bayaran pendaftaran mereka sebanyak 50%.

Tuan Pengerusi, tidak ada had masa berapa lama bayaran pendaftaran akan disimpan oleh pemaju yang disebutkan oleh pemaju yang disebutkan oleh saya tadi. Jumlah bayaran kutipan itu biasanya akan digunakan sebagai dalam bahasa Inggeris sebagai turnover atau modal perniagaan syarikat atau disimpan dalam akaun bank bagi mendapatkan faedah untuk syarikat yang tersebut. Pada anggapan saya ini adalah satu perlakuan yang tidak sehat dan sempurna dan orang-orang miskin daripada golongan berpendapatan rendah telah menjadi mangsanya.

Oleh itu, saya menyeru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengambil berat tentang contoh ini dan bukan sahaja menyasat tetapi apa yang mustahak ialah menentukan tindakan akan diambil terhadap diri mereka.

Tuan Pengerusi, satu lagi bentuk penyelewengan ialah sebagai contoh yang saya ingin sebutkan di sini. Sebuah syarikat yang bernama Syarikat Metro Flex Development Sendirian Berhad yang memajukan satu skim perumahan yang bernama Taman Muda di Cheras Kuala Lumpur yang mengatakan bahawa sebuah yunit perumahan ini yang berharga \$18,000 satu yunit. Sebelum pemaju-pemaju perumahan mengiklankan dalam suratkhbar tempatan mengenai skim perumahan kos rendah mereka, skim perumahan, yang dimaksudkan yang diiklankan tersebut telah terlebih dahulu ditempah oleh lain-lain pembeli. Apabila orang ramai membuat permohonan untuk skim perumahan yang diiklankan itu pihak pemaju menyatakan bahawa rumah-rumah tersebut telah ditempah dan kalau sekiranya mereka menghendaki rumah tersebut bolehlah pemohon-pemohon itu berhubung dengan apa yang disifatkan oleh mereka boleh berhubung dengan agen-agen mereka dan dikehendaki membuat bayaran deposit dan wang teh atau dalam bahasa Inggeris tea money. Apabila bayaran deposit dan wang teh telah dibuat oleh pemohon-pemohon, resit resmi bayaran deposit ada dikeluarkan oleh pihak pemaju-pemaju akan

tetapi kutipan bayaran wang teh atau tea money yang menjadi berganda-ganda daripada bayaran deposit tidak dikeluarkan apa-apa akuan penerimaannya sama ada resit resmi atau tidak resmi langsung tidak ada apapun tidak ada. Sekiranya penyelewengan seperti ini tidak dibenters dari sekarang, saya yakin orang-orang miskin dan orang-orang berpendapatan rendah tidak akan dapat membeli rumah sampai bila-bilapun.

Tuan Pengerusi, atas perkara yang sama saya ingin merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Perumahan pada hari Selasa yang lalu yang menyentuh tentang soal kenaikan harga rumah yang tidak berpatutan dan juga penjelasan beliau mengenai langkah-langkah diambil oleh Kementeriannya bagi mengawal kenaikan harga. Saya suka mencadangkan di sini bahawa Kementerian berkenaan patutlah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang mengandungi wakil-wakil daripada :

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
2. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
3. Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.
4. Persatuan Pengguna-pengguna.
5. Persatuan Pemaju Perumahan.

Tujuannya untuk mencari jalan supaya kenaikan harga rumah yang tidak berpatutan dapat dikawal sepenuhnya. Setakat peringatan dan amaran daripada Kementerian Perumahan kepada Pemaju-pemaju Perumahan pada fikiran saya ini adalah kerja yang sia-sia sahaja.

Atas Perumahan Negara di Kepala B. 15 juga, saya suka menyentuh perkara dasar Perumahan Negara. Saya nampak, Tuan Pengerusi, kita belum mempunyai dasar perumahan di negara yang tersendiri, mungkin yang kita ada ialah hanya dasar perumahan Barisan Nasional yang seringkali disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam Dewan ini. Dalam pandangan saya, Tuan Pengerusi, pengwujudan dasar perumahan negara adalah mustahak dan sangatlah diperlukan kerana ini akan membolehkan perancangan-perancangan ekonomi dan fizikal negara melihat soal

perumahan dalam prospektif yang lebih luas dalam sektor-sektor ekonomi yang lain dalam hubungan keperluan yang lain.

Pada akhirnya dasar perumahan negara mestilah diusahakan sebagai satu keperluan asas kearah pencapaian objektif-objektif yang berikut :

1. Menyediakan satu asas untuk persefahaman yang menyeluruh mengenai ukuran dan implikasi sesuatu masalah di sektor perumahan.
2. Membawa ke arah penyatuan tujuan dan memberi satu asas bagi membuat keputusan.
3. Menjadikan soal perumahan satu keutamaan dalam pembangunan negara.
4. Mencapai satu pengertian yang berkaitan mengenai peranan-peranan sektor awam dan swasta dalam hal perumahan.
5. Menghubungkan program perumahan sektor awam dan swasta dengan keperluan sebenar semua golongan yang berpendapatan.
6. Mengesan dan menghapuskan kelambatan dalam sistem pembahagian rumah.

Sekarang saya ingin beralih kepada Maksud B. 16, Butiran 1100, Aktiviti (2) Bahagian Perancang Kawasan Bandar. Atas perkara ini saya suka menyentuh sedikit mengenai pelan induk untuk Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, penyediaan dan penyusunan satu pelan induk yang sempurna dan dapat membantu perkembangan Wilayah Persekutuan adalah telah lama diperlukan. Penduduk-penduduk Kuala Lumpur dan di sekelilingnya telah lama mengharapkan untuk melihat satu pelan induk yang akan membantu perancangan Bandaraya yang sempurna. Walaupun pada masa ini hanya ada satu pelan sahaja tetapi ianya tidak dapat memenuhi perkembangan Bandaraya dan sekarang Wilayah Persekutuan.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa satu pelan induk yang kemaskini untuk Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan adalah sangat penting untuk memenuhi pembangunan yang pesat dan sekarang banyak ditempatkan di Kuala Lumpur dan

di lain-lain tempat di Wilayah Persekutuan. Saya bagaimanapun berharap agar peninjauan awal ini akan dilaksanakan menurut jadual yang ditetapkan dan satu pelan induk yang teratur, yang tersusun dapat disiapkan sekurang-kurangnya pada pertengahan tahun 1980.

Sekarang saya ingin menyentuh Maksud P. 17 berhubung Jabatan Perkhidmatan Bomba yang mendapat peruntukan sebanyak \$20.2 juta untuk tahun hadapan dan meningkatkan lagi mutu dan prestasi Perkhidmatan Bomba. Satu daripada rancangannya ialah mengadakan Balai-balai Bomba di kawasan-kawasan Pembangunan sosio-ekonomi dan perkembangan penduduk yang pesat.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya Balai-balai Bomba dapat diadakan di Kampung-kampung Baru terutamanya yang mengalami perkembangan penduduk yang begitu pesat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Dalam hubungan ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan sebuah Balai Bomba di Seri Kembangan oleh sebab saya rasa penduduk di situ adalah ramai dan berjumlah lebih kurang 30,000 penduduk dan masanya sudah tiba bagi Kementerian yang berkenaan menimbangkan untuk mengadakan satu Balai Bomba di situ.

Di bawah Maksud B. 17 pula Perkhidmatan Bomba ada menerima peruntukan sebanyak \$27.1 juta yang melebihi peruntukan tahun 1979. Usaha untuk menambah bilangan anggota-anggota bomba di samping bilangan kenderaan bomba serta juga kursus latihan untuk anggota-anggotanya bagi melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan teknik dan ikhtisas adalah dialu-alukan. Tetapi saya berasa satu tugas lagi yang penting yang patut sentiasa dijalankan oleh Jabatan Bomba ialah supaya Jabatan Perkhidmatan Bomba mestilah sentiasa memeriksa paip air (water hydrant) guna menentukan bekalan air terutamanya pada masa musim kemarau di mana kebakaran mudah berlaku.

Saya suka menarik perhatian kepada Timbalan Menteri yang berkenaan kepada satu contoh kebakaran yang berlaku di Kampung Baru Salak South Selatan pada awal tahun ini. Api kebakaran tidak dapat dipadamkan kerana ketiadaan air dalam water hydrant itu dan juga kerana tekanan air yang rendah (low water pressure). Saya berharap bahawa perkara seumpama ini tidak akan berulang lagi dan pihak Jabatan Bomba akan sentiasa menentukan bahawa terdapat cukupnya bekalan air di tiap-tiap water hydrant apabila ada kebakaran berlaku. Ini akan dapat membantu pihak Bomba untuk memadamkan api ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Tumpat.

4.05 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran 15—Perumahan Awam Negeri-negeri, muka surat 108.

Saya menjunjung tinggi akan hasrat Kementerian ini untuk memberi peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri membina rumah-rumah awam kos rendah. Dalam pada itu saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa kawasan saya di Tumpat hingga setakat hari ini belum ada lagi satu rancangan perumahan awam kos rendah di sana.

Tuan Pengerusi, rumah walaupun bentuk sekalipun semuanya adalah menjadi idaman setiap keluarga samada berpendapatan besar ataupun kecil. Di kawasan Tumpat boleh dikatakan majoritinya adalah terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan kecil khususnya nelayan-nelayan. Namun begitu saya berharap bahawa satu peruntukan bolehlah diadakan untuk membina rumah-rumah awam kos rendah. Saya bukanlah mencadangkan untuk mendirikan rumah-rumah teres tetapi yang sesuai bagi mereka di kawasan Tumpat ialah rumah-rumah jenis papan sepertimana rumah yang telah didirikan di kampung-kampung FELDA umpamanya.

Rancangan yang seperti ini adalah sesuai bagi mereka yang berpendapatan kecil. Saya percaya soal tanah tidak menjadi kesulitan kerana dia boleh dirundingkan dengan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dan saya percaya tempat atau kawasan tanah yang sesuai untuk mendirikan projek tersebut tidak menjadi satu masalah besar. Saya mengharapkan bahawa satu peruntukan tanah bolehlah diadakan sekurang-kurangnya pada tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B. 20—Jabatan Percetakan, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (2)—Percetakan, muka surat 127.

Adalah sangat dirasakan bahawa percetakan Penyata Rasmi Parlimen (Hansard) memakan masa begitu lama sehingga setahun lebih. Penyata Rasmi Parlimen yang terakhir diterima ialah 7hb April, 1978. Saya mengharapkan supaya percetakan Penyata Rasmi Parlimen ini dapat dipercepatkan oleh kerana ianya berguna kepada Ahli-ahli Parlimen dan orang-orang ramai sebagai bahan rujukan yang sangat berguna kepada kami sekalian. Namun begitu tindakan sewajarnya hendaklah diambil supaya kelewatan itu akan dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Langat.

4.09 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Maksud B. 15, Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (5).

Di sini inginlah saya menggesa Kerajaan agar dapat mengikut dengan sepenuhnya akan polisi kebangsaan untuk mewujudkan "House Owning Democracy". Peruntukan rancangan dan Pembangunan kampung-kampung memerlukan berlipat kali ganda daripada peruntukan yang dibuat sekarang iaitu \$240,000. Begitu juga halnya bagi perumahan yang peruntukan sekarang hanya sebanyak \$1,639,000.

Kampung-kampung di Malaysia memerlukan perancangan dan perkhidmatan bandar yang baik supaya kita dapat mengawal penghijrahan penduduk-penduduk ke bandar. Kementerian yang berkenaan hendaklah mengadakan rumah-rumah harga murah yang moden dengan mengenakan faedah yang rendah dalam skim pinjaman perumahan. Kerajaan juga perlu mengambil perancang-perancang bandar tempatan ataupun perancang-perancang seberang laut untuk menyediakan Master Plan bagi kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar.

Pekerja-pekerja ladang di Malaysia didapati taraf hidup yang paling rendah, dan Amalan Makan dan Pemakanan mereka juga didapati sangatlah rendah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaum wanita dan kanak-kanak di ladang-ladang memerlukan suasana alam sekitar yang sihat dan baik bagi meninggikan taraf kesihatan mereka.

Banyak majikan di ladang-ladang menyediakan tanah dan tapak perumahan untuk para pekerjanya, tetapi mereka ini masih belum lagi bersedia untuk mendirikan rumah-rumah moden untuk pekerja-pekerja mereka. Pekerja-pekerja inilah yang menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia. Pelepasan cukai tahun ini yang telah memberi keutamaan kepada perusahaan utama sepatutnya hendaklah digunakan dengan segera bagi meninggikan taraf hidup pekerja-pekerja terutama sekali pekerja-pekerja India di ladang-ladang getah. Keadaan hidup penduduk-penduduk di ladang getah hendaklah diperbaiki dengan segera jika Kerajaan kita benar-benar hendak mengekalkan kedudukan kaum buruh di ladang-ladang dan juga jika Kerajaan berhasrat mengelakkan penghijrahan penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya boleh meramalkan pada satu masa nanti ekonomi negara kita akan lumpuh akibat kekurangan tenaga di ladang-ladang. Saya percaya peristiwa buruk ini akan berlaku andainya badan-badan pengurusan di ladang-ladang mengamalkan sikap tidak ambil peduli terhadap kebajikan pekerja-pekerja mereka. Saya berpendapat demikian kerana dasar majikan-majikan di ladang-ladang ini lebih mementingkan keuntungan daripada yang lain-lain. Saya menyeru dan menggesa Yang Berhormat Menteri dan

pegawai-pegawainya agar sudi melawat kawasan-kawasan luar bandar khususnya di ladang-ladang untuk mengkaji masalah di sana dan mengambil sesuatu tindakan untuk memperbaiki keadaan tempat, kediaman dan taraf hidup penduduk-penduduk di sana.

Bagi Maksud Bekalan 17—Perkhidmatan Bomba, Aktiviti (1) dan (2).

Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini Kerajaan telah mengemukakan satu peraturan baharu bagi mencegah kebakaran. Berhubung dengan peraturan ini didapati ada aduan-aduan diterima daripada pihak pengusaha-pengusaha bangunan. Yang Berhormat Menteri berkenaan perlulah meneliti "legitimate anomalies" dalam peraturan tersebut dan cubalah berusaha untuk mengatasinya.

Jabatan Bomba hanya menumpu tenaga dan perhatian terhadap kebakaran yang berlaku dalam masa aman damai sahaja tetapi belum ada lagi perancangan dibuat bagi mencegah kebakaran yang mungkin berlaku secara besar-besaran dalam masa peperangan. Jabatan Bomba perlulah membuat perancangan untuk pertahanan negara kita Malaysia supaya janganlah ada berlaku kerugian harta-benda dan kehilangan nyawa yang besar. Perang dunia yang lalu telah mengajar kita bahawa banyak bandar dan bandaraya telah habis musnah akibat serangan musuh dan pada masa itu Perkhidmatan Bomba dan orang ramai belum bersedia lagi untuk menghadapi bahaya itu.

Tuan Pengerusi, mencegah kebakaran di hospital-hospital dan di bangunan-bangunan lain perlulah dikaji. Perancangan perlaksananya perlulah dijalankan dengan segera. Semasa kecemasan berlaku di hospital-hospital kakitangan hospital adalah bertanggungjawab mengeluarkan dan menyelamatkan pesakit-pesakit itu. Sudah tentu pesakit-pesakit jantung dan pesakit dalam bilik bedah tidak boleh meninggalkan tempat masing-masing dengan sendiri semasa kebakaran berlaku. Oleh itu jururawat dan kakitangan hospital perlulah selalu dilatih membawa keluar pesakit-pesakit. Dalam peraturan perkhidmatan Bomba hendaklah dibuat satu ketetapan bahawa kakitangan hospital mestilah mengetahui tempat-tempat dan jalan-jalan keluar yang selamat apabila berlaku kebakaran. Jabatan Bomba juga perlu membuat satu kawalan terhadap alat-alat dan

perabot yang tahan daripada api digunakan di hospital-hospital dan di bangunan-bangunan tinggi.

Bagi Maksud Bekalan 2—Jabatan Pertahanan Awam. Tuan Pengerusi, saya kurang mengerti mengapa Yang Berhormat Menteri berkenaan membuat peruntukan hanya \$1,430,000 sahaja untuk Pasukan Pertahanan Awam. Peruntukan bagi pentadbiran am sebanyak \$434,000 dan untuk latihan tenaga sukarela dalam pasukan pertahanan awam sebanyak \$256,000.

Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa keselamatan dan politik di rantau ini dalam keadaan bahaya. Dalam pasukan pertahanan awam bilangan tenaga sukarela adalah terlalu kecil dan mereka belum cukup terlatih lagi untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku dalam masa kecemasan. Tenaga ini juga jauh daripada cukup untuk berkhidmat dalam masa peperangan.

Yang Berhormat Menteri berkenaan haruslah melatih dengan cukup tenaga sukarela di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Kita sudah ketinggalan masa. Pasukan Polis, Tentera dan pasukan Bulan Sabit Merah adalah anggota-anggota yang mengambil alih tugas-ugas pertahanan awam. Sudah sampai masanya bagi Yang Berhormat Menteri berkenaan dan pegawai-pegawainya untuk melancarkan pengambilan tenaga sukarela dengan lebih banyak lagi dan melatih mereka secukup-cukupnya.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya berpendapat bahawa Kerajaan perlu mengadakan peruntukan tambahan yang besar untuk memperkuat lagi pasukan pertahanan awam negara kita.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Pagoh.

4.18 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Md. Yasin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan peruntukan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menyentuh kepada perkara yang berkait dengan perumahan negara iaitu di bawah tajuk Bekalan B. 15, Aktiviti (2) dan (5), perkara-perkara (i) hingga (iv). Salah

satu daripada tujuan atau aktiviti perumahan negara ini ialah untuk merancang dan menyelaras pembangunan perumahan dalam sektor awam dan memastikan punca-punca keluaran pengetahuan teknik dalam sektor awam dan swasta digunakan dengan cara yang paling berkesan dan cekap untuk menemui keperluan perumahan negara.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang menarik perhatian saya dalam Anggaran Belanjawan dan juga apa yang telahpun dicatatkan di dalam program dan prestasi Anggaran Belanjawan 1980 ialah tentang ketidakupayaannya Kementerian melaksanakan program perumahan awam kos rendah. Sebab mengikut apa yang dicatatkan di dalam Anggaran Belanjawan ini hanya lebihkurang 32% sahaja rancangan rumah awam kos rendah iaitu kira-kira 20,000 yunit rumah sahaja yang telah dan akan dibina sehingga akhir tahun 1980. Iaitu satu angka yang sungguh tidak menggalakkan kalau dibandingkan dengan target rancangan perumahan awam kos rendah yang mungkin lebih daripada 70,000 yunit yang mesti disempurnakan dan disiapkan pada akhir tahun 1980.

Peratusan ini adalah amat rendah dan menimbulkan tandatanya di hati saya sendiri mengapakah rancangan-rancangan perumahan kos rendah ini tidak dapat dilaksanakan ataupun gagal menemui matlamat yang sebenarnya. Ini adalah lebih kurang dan lebih serious lagi, kalau dikaji dari segi bahawa Rancangan Malaysia Keempat akan bermula di dalam tahun 1981 dan saya yakin bahawa dari segi matlamat negara untuk mencapai dan membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah adalah menjadi satu matlamat yang penting dan mengikut perkiraannya mungkin berlipat kali ganda daripada apa yang telahpun dicatatkan mengikut anggaran Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Pengerusi, satu daripada aktiviti di bawah perumahan negara ini ialah aktiviti perancangan dan kemajuan perkampungan dan juga aktiviti penyelarasan dan pelaksanaan. Kedua-dua aktiviti ataupun jabatan ini adalah amat penting bagi menentukan supaya matlamat yang dicatatkan di dalam Anggaran Belanjawan khasnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu dicapai.

Di dalam perkara ini, saya membuat perkiraan saya sendiri bahawa ketidakupayaan dan kelemahan dari segi ini mungkin

timbul dari segi perancangan yang kurang tepat khasnya dari segi keperluan negara dalam segi soal perumahan dan mungkin perhitungan yang kurang tepat juga dari segi mencari faktor-faktor penting keperluan perumahan dan keduanya mungkin disebabkan oleh ketidakupayaan Kementerian dari segi menyelaraskan usaha-usaha yang dijalankan secara persendirian di bawah rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dan juga rumah-rumah murah kos rendah yang dijalankan oleh Kementerian, oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu, oleh agensi-agensi Kerajaan yang sebahagiannya tertakluk kepada Kerajaan Negeri ataupun kepada Kementerian yang lain seperti Kementerian Perusahaan Awam umpamanya di bawah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun tidak dapat menyelaraskan usaha-usaha yang dijalankan oleh sektor swasta dari segi mengadakan rumah-rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, saya memang jelas, faham tentang adanya dua peringkat jenis rumah kos rendah ini, satu yang dilaksanakan di bawah sekim perumahan awam dan satu lagi di bawah sekim yang dilancarkan oleh syarikat-syarikat swasta.

Dan satu daripada sebabnya mungkin tidak tercapai matlamat perumahan awam kos rendah ini ialah bahawa Bahagian Perancangan dan Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan tidak dapat mengetahui keupayaan, capability ataupun kebolehan agensi-agensi yang telahpun dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek perumahan. Mungkin ini disebabkan oleh kekurangan dari segi kepakaran, yang mungkin wujud oleh sebab desakan-desakan kerja yang terlalu banyak dan target yang begitu tinggi yang mesti dicapai oleh agensi tersebut, mungkin disebabkan oleh kekurangan tenaga (manpower) ataupun oleh sebab kekurangan kewangan yang diperuntukkan di bawah agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan itu.

Dari segi ini, Tuan Pengerusi, saya juga hairan di dalam Anggaran Belanjawan ini, yang saya yakin Kementerian menyedari bahawa daripada sejumlah lebih daripada 70,000 rumah yang perlu dibina di dalam Rancangan Malaysia Keempat, rumah awam kos rendah hanya telah dibina 20,000 yunit sahaja sehingga tahun 1980. Dalam tahun 1980 sahaja hanya 7,022 yunit akan dibina.

Walaupun kita sedar matlamat itu jauh, tetapi saya hairan mengapa di dalam tahun 1980 umpamanya apa yang dicatitkan di dalam Program dan Prestasi Anggaran 1980 hanya 7,000 yunit sahaja yang akan dapat dibina. Bermakna kalau dicampurkan kesemuanya masih ada lagi lebih kurang 40,000 yunit rumah yang mesti dibina sehingga akhir tahun 1980.

Di dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, kita mungkin boleh mempersoalkan tentang kuasa yang ada kepada Kementerian di dalam perkara-perkara yang berkait dengan perumahan awam dan juga kuasa-kuasa yang ada di dalam Kementerian dari segi mengawal apa yang boleh dilakukan oleh sektor swasta dari segi menyediakan rumah-rumah kos rendah. Dan juga kita boleh mempersoalkan tentang keupayaan Kementerian dari segi mengawal dan menyelaraskan strategi dan program perumahan di peringkat seluruh negara. Sama ada Kementerian melalui kuasa yang ada sekarang ini boleh melaksanakan perkara ini adalah satu soal yang perlu difikirkan.

Tuan Pengerusi, sekiranya dari segi kuasa, Kementerian belum mempunyai kuasa yang cukup bagi membolehkannya melaksanakan program-program menyelaraskan, mengawal, mengatur strategy, program seluruh negara ini maka adalah elok dan perlu sekali diadakan undang-undang yang tertentu untuk memberikan kuasa yang lebih luas kepada Kementerian bagi melaksanakan projek perumahan kos rendah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, satu lagi apa yang telahpun disebutkan di dalam buku Anggaran Program dan Prestasi Belanjawan 1980 itu sebagaimana yang tercatat di muka 66 di dalam buku warna kuning yang menunjukkan tentang bilangan yunit rumah yang telah dibina bagi negeri-negeri di mana disebutkan di situ hanya lebih kurang 16,709 yunit sahaja yang telah dibina sehingga akhir tahun 1979. Dan daripada jumlah ini negeri-negeri umpamanya Negeri Sembilan 770 yunit, Melaka 629 yunit dan negeri Pahang 248 yunit sahaja.

Saya kira dari segi angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa rancangan-rancangan dan penyediaan rumah-rumah awam kos rendah ini tidak begitu setimpal dengan

keperluan di peringkat negeri-negeri. Saya percaya di peringkat negeri-negeri sebagaimana yang saya sebutkan tadi memerlukan lebih banyak daripada yunit rumah yang telah dibina. Dan saya rasa khuatir, sekiranya satu rancangan yang lebih berani dan tegas tidak disusun mulai sekarang mungkin matlamat kita menyediakan seberapa banyak rumah-rumah awam kos rendah tidak akan mencapai hasrat.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin membuat beberapa cadangan. Pertama, di peringkat Kementerian sendiri adalah perlu dan mustahak sekali seluruh bahagian-bahagian yang terlibat di dalam soal perumahan awam kos rendah khasnya di dalam aktiviti perumahan negara seperti perancangan dan pelaksanaan, pengawasan dan penguatkuasaan, penyelidikan dan perancangan teknik dikaji semula.

Keduanya, untuk lebih memberikan kesan lagi di bawah aktiviti penyelarasan dan pelaksanaan itu saya memikirkan adalah perlu dan mustahak sekali dibentuk satu Jawatankuasa Pusat bagi Penyelarasan Perumahan Awam Kos Rendah di peringkat negara yang bertujuan untuk mengkoordinasikan dan menyelaraskan segala rancangan perumahan sektor awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan dan juga sektor swasta yang terlibat dengan menyediakan rancangan-rancangan rumah kos rendah. Jawatankuasa ini perlulah diberi terms of reference yang comprehensive terutama bagi mengenali dan juga mengidentifikasi kawasan-kawasan di mana wujudnya keperluan perumahan, setakat mana rumah yang patut dibina, sama ada keadaan itu mendesak ataupun tidak dan juga mengutamakan pembinaan-pembinaan rumah di kawasan-kawasan penting lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan di mana terdapat ramai penyokong-penyokong Kerajaan. Juga Jawatankuasa ini ataupun mungkin badan ini perlu mengkaji keupayaan-keupayaan yang ada di dalam agensi-agensi yang telahpun dipertanggungjawabkan. Apakah mengikut matlamat rancangan perumahan awam ini agensi-agensi yang sedia ada ini mempunyai keupayaan dari segi kakitangannya, exper-tisanya, kepakaran tekniknya, kawasan-kawasan perumahannya dan kewangannya bagi menentukan supaya setiap program

yang telah disusun bagi Kementerian ataupun bagi agensi itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dan mungkin juga perlu difikirkan kemungkinan mengadakan satu Pelan Induk untuk rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah. Disebabkan kebanyakan daripada rancangan-rancangan yang dijalankan sekarang ini adalah berbentuk rancangan-rancangan *ad hoc* ataupun kita tidak dapat mengawal usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun oleh sektor swasta yang terlibat dalam soal rumah-rumah kos rendah ini dan ini hanya bergantung kepada kuasa-kuasa kelulusan yang ada di dalam tangan Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh sebab Kerajaan-kerajaan Negeri lebih mempunyai kuasa-kuasa dari Kementerian dalam meluluskan rancangan (lay-out) bagi perumahan maka mereka perlu juga berhati-hati supaya perkembangan sektor pembinaan perumahan tidak akan menjejaskan kemantapan politik negara pada masa depan.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, untuk menentukan dan mempercepatkan pencapaian objektif perumahan kos rendah sama ada awam ataupun swasta maka Kerajaan perlulah memberi peluang ataupun mengkaji kemungkinan memberikan peluang kepada pemaju-pemaju swasta untuk turut melaksanakan rancangan ini dengan diberikan kemudahan mungkin dari segi mengadakan tapak-tapak perumahan dengan dijual harga yang rendah dan berpatutan tanah-tanah Kerajaan umpamanya ataupun difikirkan kemungkinan diadakan rancangan-rancangan bentuk subsidi; bukan subsidi sebenarnya tetapi rancangan-rancangan bantuan kepada pemaju-pemaju swasta ini dalam bentuk di mana sebahagian daripada kos yang harus dibiayai bagi mengadakan infrastruktur seperti api, air, membina jalan dan parit dapat juga dibiayai bersama oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun agensi Kerajaan.

Saya percaya peranan yang boleh dan akan dapat dimainkan oleh sektor swasta dalam hal ini tidak dapat kita nafikan dan kalau dikira dari segi keupayaan sektor swasta dengan agensi Kerajaan saya tidak teragak-agak untuk mengatakan bahawa pihak swasta mempunyai kepakaran yang lebih. Lebih-lebih lagi, Tuan Pengerusi, Kerajaan harus memikirkan rancangan-rancangan sub-

sidi dan bantuan kepada mana-mana pemaju swasta yang berani menceburkan diri membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah. Apa yang kita ketahui sekarang ini selalunya kebanyakan pemaju-pemaju swasta menumpukan perhatian dari segi membina rumah-rumah kos menengah ataupun kos-kos yang tinggi hanya di mana terdapat peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertentu dikenakan baharulah mereka membina rumah-rumah kos rendah. Jadi, sekiranya ada pemaju-pemaju perumahan swasta berani masuk sektor mengadakan perumahan-perumahan awam kos rendah ini umpamanya menyediakan lebih daripada 40% di dalam rancangan skim perumahan mereka itu adalah rumah kos rendah, maka eloklah difikirkan satu bentuk bantuan dari segi pembiayaan bersama mengadakan infrastruktur bagi rancangan itu diadakan.

Perkara keempat, Tuan Pengerusi, di dalam keadaan sekarang ini terdapat syarat-syarat yang berbeza di antara negeri-negeri dalam soal kuota ataupun peratus rumah-rumah kos rendah yang dikehendaki dibina di dalam satu-satu skim perumahan. Umpamanya, kalau di Johor apa yang saya ketahui di dalam tiap-tiap skim perumahan itu tidak kurang daripada 40% hendaklah dibina rumah-rumah kos rendah. Dan demikian juga di Johor saya dimaklumkan di dalam tiap-tiap perumahan kos rendah umpamanya yang dimajukan oleh pemaju bumiputra 60% sehingga 70% rumah-rumah itu dikehendaki dijual kepada bumiputra juga. Jadi, di dalam soal ini kuota-kuota rumah-rumah kos rendah yang harus dibina oleh sektor swasta ini perlulah diselaraskan di antara negeri-negeri. Saya tahu ada setengah-setengah negeri lain mungkin tidak mengikuti peratus yang sama.

Demikian juga dari segi menggalakkan lebih ramai kaum bumiputra memiliki rumah, Tuan Pengerusi. Di Johor apa yang saya ketahui Kerajaan Negeri mengenakan peraturan di mana setiap pemaju perumahan swasta itu dikehendaki memberikan potongan (discount) sebanyak 15% di atas harga rumah yang dijual. Di Melaka saya dengar ada yang 5% dan negeri-negeri lain ada yang memberikan discount, ada juga yang tidak memberikan discount. Jadi cara-cara, peraturan dan syarat-syarat yang berlainan ini akan menimbulkan kesulitan, saya percaya

dari segi Kementerian untuk mengawasi, khususnya pemaju-pemaju swasta dari segi melaksanakan matlamat rumah-rumah kos rendah dan ini juga perlulah diselaraskan.

Satu lagi yang tidak selaras, Tuan Pengerusi, ialah soal kawalan di atas pembahagian dan penjualan rumah-rumah murah dan juga rumah-rumah untuk bumiputra. Di Johor umpamanya, oleh sebab saya datang daripada Johor lebih memahami apa yang berlaku di Johor dan kurang arif apa yang terdapat di negeri-negeri lain, di Johor umpamanya, pembahagian rumah-rumah kos rendah ini diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan permohonan-permohonan diproses sendiri oleh pejabat perumahan di peringkat negeri dan juga kuota-kuota bagi rumah-rumah untuk bumiputra adalah dikelolakan melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi mengelakkan bumiputra yang layak membeli rumah dipermainkan-mainkan oleh pemaju perumahan sendiri. Terdapat sebelum peraturan ini dikenakan ada kaum-kaum bumiputra yang pergi berjumpa dengan pemaju swasta menanyakan sama ada ada lagi rumah untuk dibeli, dijawabnya tidak ada sedangkan sebenarnya masih ada rumah yang boleh dibeli yang diperuntukkan untuk bumiputra. Jadi syarat serta cara-cara yang berbeza dalam masalah permohonan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembahagian rumah kos rendah ini juga adalah perlu diselaraskan.

Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya faham oleh sebab sebahagian besar daripada matlamat perumahan kos rendah ini tidak dapat dilaksanakan dengan sebab masalah-masalah yang disebutkan tadi maka saya yakin dan percaya masih banyak lagi peruntukan yang belum digunakan, kalau dari segi peratusnya mungkin tidak lebih daripada 30% sahaja peruntukan yang telah digunakan oleh sebab hanya lebih kurang 30% sahaja rumah yang telah dibina.

Saya suka mengulangi sekali lagi, Tuan Pengerusi, supaya lebih banyak lagi pemberian-pemberian pinjaman diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai rancangan-rancangan yang tertentu, umpamanya Kerajaan Negeri Johor sendiri. Kita mengucapkan terima kasih khususnya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menyampaikan banyak juga bantuan dan juga pinjaman kepada Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan

Ekonomi Negeri Johor tetapi mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 1990 tidak kurang daripada 100,000 yunit rumah-rumah murah yang perlu dan patut dibina untuk rakyat. Di dalam hal ini saya bercadang dan saya merayu khususnya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengada dan menambahkan lagi pemberian peruntukan kepada Kerajaan Negeri Johor dan juga pinjaman-pinjaman yang dimohonkan oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor.

Di dalam soal perumahan ini, Tuan Pengerusi, masalah masa adalah amat penting. Jika sekiranya kita lambat melaksanakan rancangan-rancangan perumahan satu perkara yang tidak dapat kita elakkan ialah kos-kos bahan binaan yang akan terus melambung naik dan rumah-rumah kos rendah kemudiannya nanti akan sebenarnya menjadi rumah-rumah kos tinggi, kalau kita tidak segerakan rancangan perumahan ini.

Di dalam hal ini di bawah tajuk perumahan negara juga, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian membuat kajian bagi mengadakan satu rancangan pembangunan bandar-bandar baru ataupun bandar-bandar satelit dengan rumah-rumah pangsa dan juga kemudahan-kemudahan yang lengkap sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Singapura. Saya tidaklah mengagungkan, membesarkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura tetapi banyak badan-badan dunia mengakui tentang kejayaan Kerajaan Singapura dari segi mengadakan rumah-rumah untuk rakyatnya, mengadakan bandar-bandar baru seperti Toa Payoh ataupun Geylang Baru dan sebagainya dan banyak juga penduduk dan rakyat di Singapura telahpun diberikan rumah. Jadi dari segi ini tidaklah menjadikan satu perkara yang memalukan sekiranya kita mengkaji akan kejayaan yang sudah dicapai oleh Kerajaan Singapura dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan ini dan eloklah mungkin di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan mengkaji kemungkinan ini dan mengadakan bandar-bandar baru seperti di Bangi, Shah Alam, Johor Bahru, di bandar-bandar lain di dalam negara ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, di bawah Aktiviti (d) Skim Pinjaman Perumahan untuk setingan-setingan dan juga perkara yang

berkaitan dengan skim (a) sehingga (d) yang diperuntukkan di bawah skim pinjaman perumahan ini. Mengikut anggaran tahun 1980 sebanyak 1,500 rumah akan dibina di bawah skim ini. Ini juga saya berasa musykil dan harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti sebab apa yang kita faham, khususnya di bawah masalah yang kita hadapi dari segi setinggan-setinggan, bukan sahaja di Wilayah tetapi di kawasan-kawasan lain di seluruh negara memang banyak terdapat setinggan-setinggan tetapi kalau mengikut rancangan yang akan dibina hanya 1,500 yunit rumah sahaja dalam tahun akan datang, saya percaya masih banyak lagi keperluan yang tidak dapat kita atasi. Jadi adalah perlu dan amat penting sekali rancangan-rancangan bagi menyediakan rumah-rumah di bawah skim ini juga dilipatgandakan dan diadakan rancangan-rancangan yang lebih intensif, rancangan-rancangan yang lebih berkesan supaya setinggan-setinggan, mereka yang tinggal di kawasan-kawasan estet perindustrian, di ladang-ladang juga dapat disediakan rumah. Saya mencadangkan supaya skim (a) ini, iaitu menyediakan rumah-rumah untuk pekerja-pekerja di estet perindustrian ini diperluaskan di daerah Muar di mana terdapat satu kawasan perindustrian di Tanjong Agas, Muar dan ramai pekerja-pekerja yang bekerja di situ.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya saya harap apa yang telahpun saya sentuh tadi adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan rancangan dan strategi yang dilaksanakan oleh Kementerian ini dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas apa yang telahpun dibantu oleh Kementerian kepada pihak Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan saya berharap, khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberikan kelulusan bagi menambahkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Sekali lagi saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

4.50 ptg.

Tuan Yusof bin Mahim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan saya untuk membahaskan peruntukan yang dipinta oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin menyentuh hanya beberapa perkara yang difikirkan perlu iaitu Maksud P.15, Butiran 1, 12 dan 15. Sebelum itu izinkan saya membacakan dua mukaddimah daripada program dan prestasi 1980 ini yang ada berkaitan dengan Kementerian ini umpamanya:

“(a) Memastikan tercapainya dasar Kerajaan (i) berusaha membina banyak lagi rumah murah dan (ii) berusaha ke arah memberi peluang kepada setiap orang memiliki rumah;”

Tuan Pengerusi, ayat ini atau mukaddimah ini atau buku ini jika sampai ke tangan rakyat biasa, mereka saya percaya memuji dan tetap memuji Kerajaan kerana daripada ayat-ayat ini membayangkan bahawa pihak Kerajaan bertanggungjawab menyediakan rumah bagi setiap orang yang tidak ada rumah. Selain daripada itu memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung terutama kampung-kampung baru. Jadi berdasarkan inilah tujuan yang sebenarnya maka pihak Kementerian Perumahan mencadangkan supaya peruntukan yang begitu banyak dipohon bagi memenuhi hasrat dan tujuan tersebut.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak bangkitkan di dalam P.15 ini terutama berhubung dengan Butiran 15—Perumahan Awam Negeri-negeri, saya juga datang daripada negeri Johor menyokong pendapat sahabat saya yang baru sebentar memberikan pendapatnya dan walaupun pinjaman kepada negeri-negeri begitu banyak pada dasarnya berjumlah \$154,576,000 untuk tahun 1980 ini dan saya percaya wang ini akan dipinjamkan kepada negeri-negeri dan terpulanglah kepada negeri-negeri itu untuk menentukan di manakah kawasan daerah yang memerlukan rumah.

Tuan Pengerusi, ada setengah-setengah daerah terdapat bahawa rancangan perumahan rumah murah ini tidak ada langsung dalam kawasan itu atau dalam daerah itu, tetapi di daerah yang lain, di kawasan yang lain terdapat rancangan rumah murah ini sampai dua atau tiga kali dibina di kawasan itu. Jadi sebagaimana saya katakan tadi walaupun kuasa merancang rumah tadi adalah kuasa negeri tetapi dengan sebab wang dipinjam oleh Kementerian ini kepada negeri-negeri maka saya sukalah mencadangkan kepada Kementerian ini supaya memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri

supaya benar-benar rancangan perumahan itu dibuat di dalam kawasan-kawasan yang belum ada rancangan perumahan atau di dalam kawasan-kawasan yang kurang rancangan perumahan.

Saya berkata demikian Tuan Pengerusi, sebab terdapat di setengah-setengah daerah Kerajaan Negeri tidak berupaya untuk membina rumah murah dan hanya menunggu pemaju-pemaju perumahan untuk membina rumah di kawasan itu maka Penguasa-penguasa Tempatan ini mensyaratkan supaya sekurang-kurangnya 30% atau 40% daripada rumah yang dibuat itu hendaklah kos rendah, rumah murah yang sanggup dibeli oleh rakyat. Dan apabila pihak pemaju membuat rumah ini barulah pihak-pihak Penguasa Tempatan mengambil daya utama untuk memastikan bahawa 40% itu diberi kepada rakyat dengan harga yang murah. Kalau ini berjalan terus, saya khawatir takdirnya tidak ada pemaju perumahan di kawasan itu ertinya kawasan itu tidak akan wujud rumah murah kerana pihak Kerajaan Negeri tidak mencukupi wang untuk membuat rumah di kawasan itu.

Saya juga mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Kementerian memberi nasihat atau menggesa pihak SEDC-SEDC Negeri supaya setiap pemaju perumahan dalam negeri itu yang diperuntukkan umpamanya 30% atau 40% kepada bumiputra sebagaimana yang disuarakan oleh rakan saya tadi banyak di antara bumiputra yang tidak mampu untuk memiliki rumah tersebut maka saya cadangkan supaya Kementerian ini memberi nasihat kepada SEDC-SEDC supaya peruntukan yang 30% itu diambilalih oleh SEDC atau dibeli sendiri oleh SEDC, kemudian melalui SEDC barulah disalurkan kepada pemohon-pemohon yang terdiri daripada bumiputra dan kalau ini dapat dijalankan, saya yakin dan saya percaya ada banyak nanti bumiputra-bumiputra akan duduk dalam kawasan-kawasan bandar dan kalau ini tidak dijalankan saya bimbang dan saya khawatir bumiputra akan berkurangan di dalam bandar dan akhirnya bumiputra akan lari ke luar-luar bandar.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka menarik perhatian kepada peruntukan yang telah dicadangkan oleh Kementerian ini bagi peruntukan tahun 1980 umpamanya. Di sini saya dapati ada setengah-setengah negeri dalam buku rujukan, dalam buku Program dan Prestasi, muka surat 164 terdapat

pembahagian ini yang saya kira terlalu jauh berbeza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri yang berkenaan di dalam jawapannya nanti adakah peruntukan ini telah benar-benar dikaji mengikut keperluan penduduk di negeri itu mengikut keperluan berapa banyak rumah yang dikehendaki dalam negeri itu. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, umpamanya saya ambil negeri-negeri yang besar sahaja, umpamanya negeri Kedah mendapat \$17,711,019, yang kedua besarnya negeri Selangor mendapat \$15,708,120 manakala negeri Johor hanya mendapat \$901,100. Jadi saya harap baru sebentar tadi rakan saya dari Johor telah menceritakan keperluan rakyat negeri Johor berkehendakan 100,000 yunit rumah tetapi setakat hari ini yang dapat dilaksanakan adalah lebih kurang 10,000 yunit sahaja. Bererti negeri Johor sahaja kekurangan sebanyak 90,000 lagi yunit rumah. Dengan sebab itu, kalau peruntukan ini telah ditetapkan dan saya percaya tidak ada perubahan cuma saya harapkan satu sahaja dalam Mid-Term Review akan datang ini tolonglah beri peruntukan yang agak lebih besar sedikit kepada negeri Johor.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu menyentuh saya dalam P. 15 ini juga, Butiran 12—Rancangan Perumahan Kampung Baru. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini berhubung dengan kampung-kampung baru ini yang mana pada awal tahun ini Menteri yang berkenaan telahpun melawat kawasan pilihan-raya saya dan di atas permohonan dan kehendak pengundi-pengundi dan penduduk dalam kawasan saya, beliau telah mengisytiharkan di hadapan satu majlis beliau bersetuju memberikan peruntukan yang jumlahnya \$118,000.

Hari ini saya dapati Yang Berhormat Menteri itu telah digantikan oleh seorang Menteri yang baru dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang baru ini. Dan saya harap apa yang telah dijanjikan oleh Menteri yang dahulu akan dapat dilaksanakan oleh Menteri yang baru ini. Kalau ini tidak dilakukan, saya percaya dan saya bimbang bahawa pengundi-pengundi di dalam kawasan Panti nanti tidak akan percaya lagi dengan janji-janji, walaupun janji ini tidak dibuat oleh Menteri yang baru tetapi dibuat oleh

Menteri yang lama tetapi dengan sebab sudah dijanjikan dan saya harap pihak Menteri yang baru ini akan menyemak semula di pejabatnya mana-mana peruntukan yang telah dijanjikan di mana-mana kawasan dan saya diyakinkan dan difahamkan bukan sahaja di kawasan saya yang telah dijanjikan, banyak kawasan dalam Malaysia ini telah dijanjikan tetapi malangnya sehingga hari ini satu sen pun wang itu tak sampai. Ini saya memberi ingatan kepada Menteri yang baru supaya perkara ini saya harap berikan apa yang telah dijanjikan dahulu itu, haraplah ditimbang. Kalau tidak, saya bimbang imej Kerajaan kita, imej parti kita dan imej Menteri itu sendiri nanti akan terjejas.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi berhubung dengan Kampung-kampung Baru ini dan ada kaitannya dengan P.17—Balai Bomba dan Bangunan. Butiran 2—Kereta-kereta bomba dan kelengkapannya. Oleh kerana dalam kawasan pilihanraya saya terdapat kawasan sub-district, kawasan daerah kecil yang dahulunya dinamakan Local Council atau Majlis Tempatan dan dinaikkan tarafnya kepada daerah kecil atau sub-district. Sub-district ini namanya Sub-District Pengerang, yang mana hampir dengan Singapura hanya kira-kira 20 minit kalau jalan kaki, dekat sangat dengan Singapura. Dan jauhnya daripada Kota Tinggi iaitu Pusat Bandar yang ada perkhidmatan bomba ialah 60 batu, tetapi kalau berlaku sesuatu kebakaran di Daerah Kecil Pengerang itu, Kerajaan Singapura tidak dapat menolong kerana di selangi oleh laut, oleh Selat Teberau dan terpaksa meminta bantuan daripada Bandar Kota Tinggi yang jauhnya 60 batu. Cubalah Tuan Pengerusi fikirkan agaknya betapa kalau berlaku sesuatu kebakaran di Daerah Kecil Pengerang itu, sementara kita hendak telefon ke Kota Tinggi yang mana selalunya telefon ini rosak, tak dapat digunakan, kita potonglah hal itu, barangkali sudah hangus sederet kedai atau sederet rumah dalam Daerah Kecil Pengerang, barulah kereta bomba itu akan sampai. Dengan sebab itu, saya memohon dan merayu kepada Kementerian ini supaya memikirkan bahawa perlunya Pasukan Bomba itu diadakan atau diwujudkan di Daerah Kecil Pengerang, kalau tak dapat pun diadakan stesyen bomba, lengkapkanlah dengan lori-lori bomba yang boleh ditempatkan di Daerah Kecil Pengerang ini.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya sekali lagi menyokong peruntukan yang dipinta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli yang Berhormat dari Telok Anson.

5.05 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, pada mulanya saya ingin menyentuh tentang B. 15, Butiran 1100 (5) Penyelidikan dan Perancangan Teknik Perumahan dan (6) Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, walaupun terdapat tujuan yang begitu baik dalam Buku Anggaran Belanjawan bahawa Kerajaan adalah bertujuan dan berusaha ke arah memberi peluang kepada setiap orang memiliki rumah, saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri bersetuju bahawa tujuan ini adalah masih jauh lagi. Khasnya bagi rumah-rumah kos rendah itu. Dari segi ini, saya ingin membuat beberapa cadangan untuk pertimbangan Kementerian, kerana walaupun terdapat tujuan yang baik itu tetapi apabila kita melaksanakan tujuan ini, pemaju-pemaju selalu menghadapi berbagai masalah. Salah satu daripadanya ialah apabila tanah yang bersyarat tanaman hendak ditukar bagi tujuan perumahan akan mengambil masa yang sangat panjang. Sebagai satu galakan untuk mendorong pembinaan rumah kos rendah, saya ingin mencadangkan bahawa rumah murah itu harus dibenar untuk didirikan selepas pemohonannya telah disampaikan kepada pihak-pihak tertentu dan jika mereka menghadapi kesukaran untuk membayar premium yang dikenakan itu, mereka harus dibenarkan membayar dengan secara ansuran. Ini mungkin boleh juga kita menggunakan tapak atau rumahnya sebagai satu jaminan untuk mengutip premium untuk menukar syarat tanah itu.

Satu cadangan yang lain yang saya ingin hendak buat di sini ialah Bahagian Penyelidikan ini harus mengadakan rekabentuk (standard design) yang boleh digunakan di tiap bandar atau di luar bandar supaya mereka tidak payah menggunakan perkhidmatan akitek. Ini juga adalah satu cara yang dapat mengurangkan harga rumah murah itu.

Tuan Pengerusi, mengenai Kerajaan Tempatan ini, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sekarang sedang berusaha supaya mencantumkan beberapa kawasan Kerajaan

Tempatan dan mewujudkan Majlis Daerah dan beberapa masalah telah berlaku selaras dengan usaha yang baru ini.

Pada masa yang lalu misalnya di kawasan Hilir Perak, terdapat 6 buah Kerajaan Tempatan atau Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan bilangan Ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan itu jumlahnya lebih kurang 75 orang tetapi apabila Kerajaan Tempatan itu dicantumkan dan Majlis Daerah diwujudkan, bilangan Ahli Majlis itu dikurangkan sehingga terdapat lebih kurang 24 orang sahaja atau tidak melebihi daripada 24 orang sahaja. Jadi ahli-ahli baharu itu tidak mewakili kawasan mereka secara langsung. Oleh yang demikian saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan yang lama itu dijadikan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung seperti yang diadakan di kampung-kampung masing-masing sekarang.

Tuan Pengerusi, di muka surat 108, Butiran 12 kita dapati Kerajaan pun telah menyediakan sebanyak \$8 juta bagi rancangan perumahan kampung baru. Ini adalah satu rancangan yang baik tetapi saya ingin menarik perhatian Kementerian bahawa jika tidak salah saya kebanyakan wang ini digunakan di bandar sahaja ataupun di kampung baru sahaja. Dan jika tidak salah saya juga mungkin tidak ada lagi rancangan murah di kampung-kampung dan saya berharaplah Kementerian boleh mengadakan satu peruntukan khasnya bagi memajukan rumah-rumah di kawasan kampung-kampung juga.

5.13 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya juga turut bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membincangkan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin menyentuh Maksud B. 15, Butiran 1100, Aktiviti (5). Dalam peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini untuk tahun 1980 banyak rumah-rumah kos rendah yang telah diperuntukkan kepada negeri-negeri di seluruh negara ini. Mengikut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi sejumlah \$63 juta lebih akan diluluskan untuk

perumahan kos rendah dalam tahun 1980. Tetapi kalau kita melihat negeri-negeri yang mendapat peruntukan ini, Tuan Pengerusi, untuk Negeri Trengganu tidak ada peruntukan. Untuk tahun 1979 pun tidak ada juga. Sehubungan dengan ini, Tuan Pengerusi, saya amatlah mengharapkan Kementerian yang berkenaan supaya di dalam peruntukan 1980 ini dimasukkan beberapa projek yang mengandungi beratus-ratus unit rumah murah untuk Trengganu khasnya dalam kawasan saya Dungun.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud B. 19, Butiran 1100, Aktiviti (1) hingga (7) mengenai Jabatan Perpustakaan Negara dan saya merasakan peruntukan yang diberi untuk tahun 1980 ini amatlah menasabah kerana Perpustakaan adalah satu institusi yang penting di mana rakyat akan mendapat ilmu pengetahuan akan mendapat pemikiran-pemikiran yang baik hasil dari pembacaan itu sekira-kira rakyat akan dapat mengubah sikap mereka menerusi pembacaan tadi daripada buruk kepada baik, daripada baik kepada yang lebih baik hinggalah seterusnya. Maka dengan ini negara akan mendapat faedah dan keuntungan yang besar daripada perpustakaan ini. Oleh yang demikian, kegiatan-kegiatan perpustakaan awam di seluruh negara ini hendaklah kita melebihi lagi, maksud saya perpustakaan-perpustakaan awam di seluruh negara ini dengan peruntukan yang diberi ini bukan sahaja kita membeli buku, menyediakan kelengkapan-kelengkapan, menyediakan hawa dingin dan sebagainya tetapi juga dengan peruntukan ini saya berharap Kementerian yang berkenaan merancang, beberapa perkara untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh perpustakaan awam di seluruh negara sekarang ini.

Barangkali kita semua maklum bahawa daripada pihak Kerajaan menyediakan banyak perbelanjaan untuk perpustakaan ini tetapi satu masalah besar yang timbul ialah minat rakyat masyarakat terhadap perpustakaan itu sendiri amatlah tidak menggalakkan. Ini bererti hasrat kita untuk mengubah pemikiran rakyat, sikap rakyat melalui perpustakaan ini tidak akan tercapai dengan sempurnanya. Oleh yang demikian, saya mengharapkan supaya Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang di bawahnya ujud Perpustakaan Negara ini merancang beberapa perkara yang boleh menarik minat orang ramai kepada pembacaan. Satu daripadanya yang saya hendak syorkan ialah di samping kita menyediakan buku-buku bacaan, perpustakaan awam juga hendaklah mengadakan pertunjukan-pertunjukan wayang atau filem-filem yang sekira-kira boleh menambahkan pengetahuan kepada pembaca-pembaca tadi dengan secara bercolour, ertinya bukan tiap-tiap hari dan bukan tiap-tiap minggu, umpamanya dua minggu sekali ataupun sebulan sekali. Ini sekurang-kurangnya dapat menarik minat orang-orang yang tidak suka membaca pada mulanya untuk memperkenalkan library atau perpustakaan itu kepada mereka. Pada tahap pertama mereka hendak menuntun wayang tetapi setelah mereka menuntun mereka melihat dan mereka kasih kepada perpustakaan yang mereka kunjungi itu dan daripada rasa kasih dan mesra kepada perpustakaan inilah akan ada minat untuk membaca dan apabila minat untuk membaca ini lahir, pengetahuan-pengetahuan akan masuk ke dalam hati sanubari mereka dan insya Allah dengan pengetahuan-pengetahuan baharu yang ada mereka akan dapat mengubah sikap mereka sebagaimana yang kita mahu—itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, apa yang berlaku sekarang ialah Perpustakaan-perpustakaan di seluruh negara kita ini mengikut masa kerja pejabat. Ada Perpustakaan-perpustakaan di Universiti umpamanya itu tidak mengikut masa pejabat, tetapi Perpustakaan-perpustakaan Awam mengikut masa pejabat. Inipun menjadikan satu faktor ataupun menyebabkan orang-orang tidak akan dapat mengunjungi Perpustakaan dengan sepenuhnya.

Jadi saya mencadangkan, untuk mengatasi perkara ini, Tuan Pengerusi, supaya semua Perpustakaan Awam di seluruh negara ini dapat dibuka, umpamanya, dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 11.00 malam. Tinggal lagi pekerja-pekerja itu hendaklah diatur dengan sedemikian rupa supaya gilirannya sesuai dengan masa-masa bekerja di pejabat masing-masing, umpamanya, mengikut shift dan sebagainya.

Dengan cara ini juga, Tuan Pengerusi, orang yang tidak dapat peluang pergi ke Perpustakaan pada masa mereka bekerja, semasa mereka di sawah, semasa mereka di laut, semasa mereka di pejabat dan berbagai-bagai lagi dapat peluang pula pada waktu-waktu malam untuk mereka mengunjungi Perpustakaan ini dengan tujuan untuk menimba ilmu pengetahuan daripada buku-buku yang ada di Perpustakaan itu. Dengan ini barangkali pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, masalah-masalah yang saya sebutkan tadi insya Allah kita akan dapat atasi.

Beralih saya kepada Maksud B. 20—Jabatan Percetakan. Yang saya hendak sebut ini, Tuan Pengerusi, sedikit sangat, ada dua tiga perkara sahaja mengenai Percetakan ini, khususnya Percetakan Kerajaan yang ada di Trengganu yang fungsinya untuk memberi kemudahan-kemudahan dan menyediakan bahan-bahan cetak dan berbagai-bagai lagi untuk negeri-negeri di Pantai Timur. Disebabkan beberapa perkara oleh kerana kelengkapan Jabatan Cetak cawangan di Trengganu itu kecil barangkali berbanding dengan kehendak semasa ini sudah banyak kepada bahan-bahan cetak, maka selalu kegendalaan-kegendalaan berlaku. Umpamanya, pernah bahan-bahan bekalan cetak yang sepatutnya dicetak oleh Jabatan Cetak Kerajaan seperti bil air di Jabatan Kerja Raya dan berbagai-bagai lagi terpaksa dipindahkan ke printing swasta.

Ini satu perkara yang saya rasa amatlah tidak menasabah kita sebagai sebuah Kerajaan yang ada Pejabat Cetak dan berbagai-bagai lagi, alatulis-alatulis Kerajaan dicetak di tempat swasta. Ini bukanlah bermakna saya hendak menyekat usahawan-usahawan swasta daripada mengambil bahagian di dalam percetakan ini ataupun untuk hendak menyekat mereka itu daripada maju di dalam percetakan tetapi hal-hal yang seperti ini mestilah dibuat oleh Jabatan Cetak yang berkenaan iaitu kepunyaan Kerajaan.

Jadi banyaklah sebab-sebab yang boleh mengendalakan percetakan-percetakan ini, Tuan Pengerusi, umpamanya, kadang-kadang Harijadi (Birthday), Hari Raya dan berbagai-bagai lagi, kadang-kadang banyak perkara perkara yang tertentu yang mesti disegerakan, jadi terpaksalah bil ataupun bahan-bahan

cetak yang lain ditangguhkan, menunggu di satu masa yang sesuai. Ini menyebabkan kengedalaan-kengedalaan yang lain.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya semua Jabatan-jabatan Cetak cawangan sama ada di Alor Setar, di Johor Bahru, di Kuala Trengganu hendaklah diperbesar, hendaklah diperlengkapkan. Semoga dengan kelengkapan-kelengkapan yang baru ini kita akan dapat menyediakan bahan-bahan cetak kegunaan Kerajaan ini dengan sempurnanya.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saranan saya mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.27 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Maksud P.15, Butiran 15—Perumahan Awam Negeri-negeri muka surat 108 dan juga Maksud B.15, Butiran 1100, Aktiviti (6) Kerajaan Tempatan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum harga rumah di negeri Pulau Pinang adalah tertinggi sekali jika dibandingkan dengan lain-lain negeri. Keadaan ini mahu tidak mahu sudah menjadi punca kesulitan dan penderitaan kepada golongan orang miskin di Pulau Pinang. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semestinya mengambil tindakan dan langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah-masalah perumahan di Pulau Pinang sebelum keadaan ini teruk sehingga tidak terkawal.

Polisi Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk mewujudkan satu Home Owning Democracy di seluruh tanahair kita tetapi nampaknya polisi ini telah diketepikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah gagal untuk menyediakan rumah-rumah murah untuk orang-orang miskin di negeri ini. Ketidaktampuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan diri dari tahun 1969 sehingga 1974 di mana tidak ada sebuah rumah murah pun didirikan. Ini telah menyebabkan adanya 50,000 pemohon-pemohon rumah murah di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, dari tahun 1974 hingga 1980 hanya 9,173 yunit rumah telah dibina atau akan dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau

Pinang. Dari angka ini 4,279 yunit adalah rumah murah yang diperuntukkan bagi orang-orang miskin. Macam mana Home Owning Democracy akan dilaksanakan di Pulau Pinang jika hanya 4,000 rumah-rumah dibina dalam tempoh 6 tahun?

Sebagaimana yang dilaporkan dalam *The New Straits Times* Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengakui bahawa beliau tidak mengetahui bilangan rumah murah yang perlu dibina di Pulau Pinang. Masalah perumahan Pulau Pinang telah wujud sebelum beliau mengambilalih Kerajaan Negeri dalam tahun 1969. Mengapa kajian atau banci tidak dijalankan untuk memastikan bilangan rumah-rumah murah yang perlu dibina.

Sekarang Kerajaan Negeri Pulau Pinang berazam membina 5,000 yunit rumah murah untuk setiap tahun. Adakah Kerajaan Negeri mampu membina bilangan rumah itu apabila dari tahun 1974-1980 ia hanya dapat mendirikan 4,279 rumah murah sahaja. Contohnya, wang sebanyak \$16 juta sahaja diperuntukkan bagi pembinaan rumah-rumah murah dalam tahun 1980. Adakah wang peruntukan ini mencukupi untuk mendirikan 5,000 yunit rumah murah sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jika Kerajaan Negeri dianggap mampu membina 50 yunit rumah murah setiap tahun, berapa lama akan masalah perumahan 50,000 pemohon-pemohon di Pulau Pinang dapat diselesaikan. Katanya 10 tahun, tetapi selepas 10 tahun terdapat lagi banyak pemohon-pemohon rumah murah.

Tuan Pengerusi, nampaknya masalah perumahan orang-orang miskin di Pulau Pinang susah diselesaikan jika Kerajaan Negeri tidak mengubah polisinya di Pulau Pinang dari rumah-rumah yang dibina kurang dari 30% adalah rumah murah. Pada masa sekarang sebuah rumah murah berharga lebih kurang \$30,000. Apakah harga ini murah dalam maksudnya. Macam mana orang-orang miskin mampu membeli rumah murah itu sungguhpun mereka bernasib baik mendapat sebuah rumah memandangkan kekurangan rumah murah dan harganya tinggi. Harapan orang miskin untuk mempunyai sebuah rumah akan jadi harapan kosong sahaja. Bersabit dengan soal perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang didapati menyeleweng dari apa yang patut dibuatnya. Rumah-rumah yang didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang didapati

harga tinggi dan sub-standard. Rumah pangsa yang bertingkat lima tiada lift. Adakah orang tua dan orang sakit dikehendaki menggunakan tangga sahaja.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah perumahan penduduk-penduduk di Seberang Perai sedang menghadapi satu kesulitan lagi. Baharu-baharu ini notis taksiran telah dihantar oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai ke tiap-tiap rumah di kawasan ini untuk pembayaran baharu hasil rumah. Di sini terdapat rumah-rumah di Jalan Pasar Bukit Mertajam yang kena bayar tambahan hasil rumah sebanyak 500%. Jika Majlis Perbandaran Seberang Perai menggunakan wangnya dengan cergas keadaan ini tidak akan timbul. Sekarang penduduk-penduduk Seberang Perai dikehendaki membayar hasil rumah lebih dari apa yang patut dibayar kerana Majlis Perbandaran Seberang Perai membariskan wang rakyat. Ini dapat dilihat terang dari lawatan Ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai ke German Barat dan England pada bulan Oktober, 1979. Di sini saya berharap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan campurtangan untuk melarang Majlis Perbandaran Seberang Perai dari mengutip tambahan hasil rumah itu.

Tuan Pengerusi, masalah-masalah perumahan di Pulau Pinang akan jadi tetap jika tiada penyelesaian dibuat untuk mengatasinya. Di sini saya cadangkan beberapa langkah untuk perhatian dan tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan—

- (1) Tax incentive atau pengecualian cukai diberi kepada pemaju-pemaju rumah untuk memastikan rumah-rumah yang dibina adalah rumah murah;
- (2) Lebih banyak rumah-rumah pangsa dibina di Pulau Pinang kerana kekurangan tanah di kawasan Seberang Perai. Selain daripada memberi rumah murah Kerajaan menghakmilikkan tanah untuk dipecahkan menjadi lot perumahan yang dijual kepada orang-orang miskin dengan harga tidak lebih dari harga tanah semasa tanah itu dihakmilikkan;
- (3) Mengawal harga bahan-bahan binaan dan mengimport bahan-bahan ini jika didapati lebih murah;

(4) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mesti mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa Kerajaan Negeri adalah menggunakan semua wang peruntukan bagi pembinaan rumah murah dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan tujuan untuk mengelakkan kejadian di Pulau Pinang di mana terdapat tidak ada sebuah rumah murah dibina dari ahun 1969-1974 sungguhpun wang peruntukan telah diberi; dan

(5) Kerajaan Persekutuan menyalurkan lebih banyak lagi wang bagi pembinaan rumah murah di negeri Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sekarang kepada B. 15 (Kod) 1100 Aktiviti (5) (i).

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang syarikat perumahan pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. Saya diberitahu oleh pegawai-pegawai Kerajaan bahawa mereka telah memohon untuk mendapatkan rumah-rumah yang dibina oleh syarikat tersebut di Seaport, Sungai Way, Subang dalam tahun 1972 tetapi malangnya sehingga hari ini mereka tidak tahu akan kedudukan permohonan mereka itu. Apabila mereka membuat pertanyaan (enquiry) mereka diberitahu bahawa rumah-rumah tersebut akan dibina tahun depan dan apabila tahun tersebut tiba mereka dapati rumah-rumah yang berharga murah itu masih belum dibina.

Perkara ini telah berulang tahun demi tahun dan saya berharap Menteri Perumahan apabila beliau menggulung perbahasan ini akan memberi satu gambaran yang jelas dan terang tentang perkara ini. Kerana pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat ini telah menunggu begitu lama dan saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa pembinaan rumah-rumah masih belum mula lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya sentuh B. 17 Butiran (2)—Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan.

Kebakaran sering berlaku di merata tempat di negara kita dan kita selalu mendengar peristiwa-peristiwa mana apabila kereta bomba datang untuk memadamkan api mereka dapati hidran-hidran yang tidak mencukupi tekanan air yang kuat dan ada tempat-tempat di mana tidak ada hidran

langsung. Misalnya, beberapa tempat di kawasan saya tidak mempunyai hidran langsung. Jadi di tempat ini apabila ada kebakaran penduduk-penduduk di situ tidak boleh berbuat apa-apa pun melainkan melihat rumah atau bangunan dijilat api. Dalam hal ini saya menyeru Kementerian membuat satu kajian dan melengkapkan hidran-hidran di tempat-tempat berikut:

- (1) Kampung Crose Street, Bukit Mertajam.
- (2) Kampung Jalan Tanah Liat, Bukit Mertajam.
- (3) Kampung Aston, Bukit Mertajam.
- (4) Berapit Village, Bukit Mertajam.
- (5) Machang Bubuk, Bukit Mertajam.
- (6) Juru Village, Bukit Mertajam.
- (7) Permatang Tinggi, Bukit Mertajam.

dan juga lain tempat dalam kawasan saya yang memerlukan hidran.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1978 tidak ada pinjaman untuk projek perumahan awam kos rendah. Pada tahun 1979 ada pinjaman sebanyak \$15,365 juta untuk membina 1,826 yunit. Untuk tahun 1980 tidak ada pinjaman. Apakah sebabnya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan seorang sahaja. Lepas itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Yang Berhormat dari Menglembu.

5.44 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa butiran di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, yang pertama Maksud B. 15, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Pelesenan dan Khidmat Nasihat. Tuan Pengerusi, memang kita semua memahami bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai satu tanggungjawab yang amat berat untuk melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan Menteriannya iaitu membina beberapa banyak yunit rumah awam kos rendah dan juga rumah-rumah bagi rakyat negara ini, dan dalam pada itu ada dua pihak yang melibatkan diri; satu ialah pihak awam dan

satu lagi ialah pihak swasta. Dalam masa-masa lampau dan sehingga kini apa yang telah dihurai dan dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh beberapa anggota Parlimen kita dapat satu kesimpulan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini tidak lagi menjadi pelindung kepada kepentingan-kepentingan pembeli-pembeli rumah tetapi pelindung kepada pemaju-pemaju rumah. Banyak bukti telahpun diberi di dalam Dewan dan ada banyak lagi.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apakah peranan yang sebenarnya yang dimainkan oleh pihak Kementerian ini dalam soal memberi nasihat (advice) sama ada kepada pemaju-pemaju ataupun pembeli. Ada kes-kes di mana kakitangan Kerajaan telah "book" rumah-rumah di dalam rancangan-rancangan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kakitangan Kerajaan berbuat demikian dengan harapan bahawa mereka boleh mendapat pinjaman untuk membeli rumah itu. Jadi mereka membuat satu persetujuan dengan pemaju-pemaju bahawa dalam tempoh tiga bulan mereka akan mendapat pinjaman dan mereka akan membayar terus harga rumah itu. Dan selepas ini dipersetujui maka pemaju-pemaju sebaik sahaja selepas bulan ketiga mereka menjual rumah itu kepada orang lain walaupun orang yang telah "book" itu telah membayar wang kadangkala \$2,000 hingga \$3,000 dan apabila sampai selepas tempoh tiga bulan pinjaman daripada pihak Kerajaan, rumah itu tidak dapat dibeli oleh kakitangan Kerajaan.

Ada satu kes tertentu, Tuan Pengerusi, dan peranan yang saya hairan dimainkan oleh Kementerian ialah peranan posmen. Apabila rayuan dibuat oleh kakitangan Kerajaan tentang bayaran tempahan atau booking fees yang telah dibayar oleh kakitangan Kerajaan itu dibayar balik kepadanya, pemaju itu enggan membayarnya. Apabila merujuk perkara ini kepada Kementerian, Kementerian menghantar surat ini kepada pemaju. Apabila pemaju-pemaju jawab kepada surat itu pihak Kementerian membuat salinan jawapan daripada pemaju dan hantar balik kepada pembeli. Inilah yang dibuat selama dua tahun dalam kes di Kampar dan syarikat itu bernama Ong Huck Brothers & Co. Pemaju yang boleh dikatakan terkenal di kawasan Ipoh. Apakah nasihat yang diberi oleh Kementerian walaupun ada peruntukan

di bawah Kepala B. 15 bagi Pelesenan dan Khidmat Nasihat. Nasihat ini kepada siapa? Pemaju atau pembeli? Dan service posmen ini saya harap pihak Kementerian akan berhentikan dan bertindak secara positif supaya membela, melindungi kepentingan pembeli-pembeli rumah.

Tuan Pengerusi, di dalam kes ini Fail No. Bil. (10) SV. 340/D (425) F/4 surat bertarikh 20hb Julai, 1979—Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh rujuk kepada fail ini.

Apabila pihak Kementerian meminta pemaju itu datang untuk interview, dia enggan. Ditunda tarikhnya daripada 15-9-1978 kepada 22-9-1978, dia masih lagi tidak mahu datang untuk interview. Apakah Kementerian buat, sehingga hari ini hanya menjadi posmen menghantar surat dari pemaju kepada pembeli, pembeli kepada pemaju. Saya rasa ini bukanlah satu peranan yang boleh dikatakan baik, yang boleh dibanggakan oleh sesiapa pun. Saya harap pihak Kementerian boleh mengubah sikap untuk memperlindungi pemaju-pemaju, mengubah sikap supaya ia memperlindungi pembeli-pembeli dan bukan semata-mata memperlindungi kepentingan pemaju-pemaju.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menentuhkan di bawah B. 15, Butiran 1100 Aktiviti (1) mengenai Pentadbiran sama juga dengan Aktiviti (5) (i)—Penyelarasan dan Pelaksanaan dan (ii)—Pengawasan dan Penguatkuasa. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentu sedar tentang satu peristiwa yang berlaku di Sungai Siput di negeri Perak. Rakan beliau yang pernah menjadi Timbalan Menteri dahulu yang kini menjadi Menteri pernah pada suatu masa dahulu mengumumkan bahawa ia akan membina rumah untuk rakyat di sana. Lebih kurang dua tahun dahulu satu perjumpaan telah diadakan dan wang telah dikutip daripada orang ramai khususnya orang-orang yang berpendapatan rendah, penoreh-penoreh getah, buruh kasar, kakitangan-kakitangan dalam Lembaga Pengerus Kerajaan Tempatan dan lain-lain. Wang yang dikutip itu tidak diketahui untuk maksud apa. Apakah maksud mengutip wang itu. Setahu saya dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar

resit yang dikeluarkan apabila dikutip wang itu menyatakan bahawa kutipan itu adalah untuk membeli tanah. Dengan izin, "for the purchase of land". Walhal pembayar-pembayar itu diberitahu bahawa mereka akan dapat rumah. Resit mengatakan "for the purchase of land".

Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian sedar. Adakah ia siasat perkara ini. Selepas mengutip wang itu oleh pihak tertentu, selepas rakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu mengumumkan yang ia akan membina rumah, selepas itu sebuah syarikat telah ditubuhkan—"Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja" yang melibatkan diri dalam pembinaan rumah saya rasa, benar tak benar saya tidak tahu, untuk menampung keperluan perumahan di dalam negara kita khususnya di kawasan itu. Tuan Pengerusi, semasa mengutip wang itu pembayar-pembayar tidak diberitahu apakah harga rumah yang akan dibina, hanya diberitahu rumah murah untuk rakyat miskin. Hari ini satu kawasan di atas nama Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja telahpun dilevelkan dan taman pula sudah dinamakan sebagai Taman Tun Sambanthan. Tuan Pengerusi saya rasa banyak perkara-perkara yang samar-samar wujud dalam peristiwa Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menjawab dengan terus terang walaupun didapati Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sekarang ini menjadi Pengerusi dalam Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini, tidak kira sama ada ia Pengerusi atau tidak Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan patut membela nasib orang-orang miskin yang telah membayar wang itu dengan menggadaikan barang-barang emas. Ini boleh dibuktikan oleh rakyat itu sendiri di sana.

Saya juga ingin mendapat tahu apakah kedudukan sebenar Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini. Apakah kedudukan sebenar pembayar-pembayar ini. Apakah kedudukan sebenar tentang harga seyunit rumah yang dimaksudkan akan dibina untuk rakyat yang miskin. Inilah rakyat atau pembayar hendak tahu tetapi tidak dapat satu jawapan yang tegas sama ada daripada Pengerusi yang menjadi Menteri sekarang

mahu pun daripada sesiapa pun yang mentadbirkan Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini. Saya rasa mungkin dalam Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini yang melibatkan diri dalam industri perumahan patut disiasat oleh kerana nampaknya ada udang di sebalik batu dalam usaha Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk menubuhkan Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini oleh kerana kunci-kuncunya memegang jawatan di dalam Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja ini tetapi itu boleh disiasat oleh pihak Kementerian dan memberi satu jawapan yang tegas

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat tidak boleh menuduh seorang Ahli yang lain, melainkan boleh ditegakkan (substantiate) perkara itu, melainkan atas kerja-kerja yang berhubung dengan jawatannya-jawatannya ialah Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Tetapi ini adalah sebagai satu maklumat tambahan bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat dia siasat dengan lebih dalam dan luas.

Tuan Pengerusi, saya masih dalam B. 15, Butiran 1100, Aktiviti (1). Saya masih ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah berkata bahawa pihak Kerajaan akan membawa beberapa pindaan kepada Akta mengenai Pajak Gadai. Saya ingin dapat tahu apakah kedudukan sebenar, adakah pihak Kementerian itu masih lagi timbang ataupun sudah timbang dan selesai serta diputuskan, kalau sudah diputuskan apakah keputusannya. Oleh kerana penggadai-penggadai kebanyakannya adalah rakyat miskin dari luar bandar. Memang ada satu pandangan orang awam apabila seseorang masuk ke Pajak Gadai ia masuk ke Pajak Gadai untuk mengadai satu-satu barang itu dianggap oleh rakyat biasa sebagai seorang yang sudah miskin, hampir kondem dan bengkerap tetapi sebaliknya Pajak Gadai adalah satu daripada institusi pinjaman wang. Perbezaan di antara institusi meminjam wang seperti Pajak Gadai dan Finance Company adalah satu berhawa dingin dan satu tidak berhawa dingin, satu barangkali ada "bars" seperti jel dan satu lagi tidak ada, itulah perbedaannya. Tetapi kita tidak boleh memandang rendah kepada rakyat miskin yang

menggunakan Pajak Gadai sebagai satu institusi untuk meminjam wang dengan menggadaikan hartabenda mereka.

Di sini memang Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan beliau telah mengakui dalam Dewan ini juga bahawa kadar faedah yang dikenakan itu adalah tidak dinyatakan dengan terang di atas tiket/surat gadai dan ini beberapa kali telah dibangkitkan dan kerap kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa perkara ini dirundingkan dengan pihak tuanpunya-tuanpunya pajak gadai. Saya rasa perkara ini sudah amat lama dan pihak Kementerian mestilah mengatasi:

- (i) pihak Kementerian mesti mengarahkan pajak gadai-pajak gadai supaya mencetak kadar faedah itu dengan terang dalam keempat-empat bahasa; Bahasa Malaysia, Bahasa Tionghua, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris supaya dapat penggadai mengetahui apakah kadar sebenarnya; dan
- (ii) saya pun tidak faham kenapa 50 sen kena dibayar oleh penggadai-penggadai.

Saya berharap pihak Kementerian boleh jawab perkara ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada P.15, Butiran 15—Perumahan Awam Negeri-negeri. Sebanyak \$154,576,000 akan dipinjamkan kepada negeri-negeri yang melibatkan diri dalam perumahan awam (public housing). Saya tidak tahu sama ada wang dalam masa-masa lampau yang telah dipinjamkan kepada negeri-negeri telah dengan 100% digunakan oleh negeri-negeri oleh kerana pada satu ketika dahulu terdapat sekurang-kurangnya sebuah negeri, iaitu negeri Pulau Pinang yang tidak dapat menggunakan seluruh wang yang telah diperuntukkan sebagai pinjaman dan juga secara langsung untuk perumahan. Saya ingin tahu apakah jentera yang Kementerian mempunyai yang boleh memastikan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri boleh menggunakan seluruh \$154 juta ini sebagai pinjaman untuk membina rumah-rumah awam. Tidaklah berguna kalau kita meluluskan sahaja setiap tahun wang sama ada sebagai pinjaman ataupun secara langsung tetapi wang ini tidak dapat digunakan oleh pihak-pihak berkuasa tertentu yang menerimanya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu sama ada dalam tahun ini, tahun 1979 dan tahun 1978, 1977, 1976 sama ada pinjaman-pinjaman yang telah diberi yang tidak dapat digunakan ada dikembalikan kepada Kementerian ataupun adakah masa-masa di mana Kementerian tidak dapat memberi pinjaman itu oleh kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai keupayaan untuk menggunakan pinjaman itu.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada P. 15, Butiran 31

Tuan Pengerusi: Berapa panjang lagi? Saya benarkan 5 minit lagi.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, Butiran 31—Kemajuan Perkampungan. Saya nampak di sini anggaran yang dipinta bagi tahun 1979 ialah \$5 juta, anggaran tahun 1980 secara langsung ialah \$1.758 juta. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu sedar masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di dalam kampung-kampung baru dan kalau pihak Kementerian mahu melaksanakan, mahu menjayakan tujuan yang telah ditetapkan oleh Kementerianya sendiri, iaitu memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung, terutama kampung-kampung baru maka saya rasa peruntukan ini yang hanya 1/3 bila dibanding dengan peruntukan yang telah dibuat bagi tahun ini adalah sangat kurang. Adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpuas hati bahawa semua kampung-kampung baru yang berjumlah lebih 400 yang mempunyai penduduk seramai lebih 1 juta mempunyai jalan-jalan yang baik dan lengkap, longkang-longkang, street lighting, pasar dan lain-lain kemudahan oleh kerana wang ini akan digunakan bagi maksud memberi kemudahan-kemudahan ini. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata 'ya', saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke tempat saya tinggal oleh kerana saya tinggal dalam kampung baru, saya boleh tunjuk apakah keadaan sebenar kampung baru itu.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 40, 41 dan 42. Saya sangat hairan oleh kerana ada anggaran bagi Rancangan Malaysia Ketiga bagi Rancangan Saluran Najis Ipoh \$5 juta, Klinik Beranak dan Kebajikan Kanak-kanak \$150,000, Pasar Baru Ipoh \$5,835,000—ini memang pinjaman. Yang hairannya ialah dari tahun 1976 sampai 1978

(3 tahun) tidak ada satu sen pun diberi bagi maksud-maksud ini, apakah sebabnya? Adakah Majlis Bandaran Ipoh ini hanya pohon pinjaman dan tidak ada apa-apa rancangan untuk melaksanakan program ini ataupun ada lain-lain sebabnya sehingga kini kita tidak tahu. Anggaran pinjaman \$2 juta bagi rancangan saluran najis, \$10 (token) bagi klinik beranak dan kebajikan kanak-kanak dan pasar baru \$2.5 juta. Saya mahu tahu daripada Kementerian bagaimana dengan tahun 1979, sudahkah pinjaman-pinjaman ini diberi dan sudahkah digunakan oleh kerana kita tidak mahu meluluskan wang yang tidak diambil oleh sesiapa pun, si pemohon pun tidak menggunakan selama 3 tahun pinjaman. Jadi kita mesti mendapat satu gambaran yang baik yang jelas tentang keadaan pinjaman ini.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, tentang P. 17, Butiran 2—Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan. Kita dapat tahu dalam Dewan ini juga bahawa pihak Perkhidmatan Bomba masih lagi mempunyai kenderaan-kenderaan ataupun kereta-kereta bomba yang berumur 20 tahun dan lebih. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan secepat secepat yang boleh hantarlah kereta-kereta bomba ini kepada muzium, jangan simpan lagi di balai-balai bomba. Saya rasa oleh kerana kalau sudah lebih 20 tahun dan sekiranya didapati satu-satu kebakaran di mana-mana kalau kereta-kereta bomba itu tidak boleh bergerak keluar daripada balai bomba lebih baik tarik masuk ke dalam muzium, fit for museum, dengan izin, Tuan Pengerusi. Saya berharap wang peruntukan sebanyak \$16.6 juta ini akan digunakan untuk menggantikan kereta-kereta bomba ini yang fit dan layak untuk muzium dengan kereta-kereta bomba yang baru. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian bagi membincangkan peruntukan-peruntukan dalam Kementerian saya, terutamanya saya tuju kepada Ahli Yang Berhormat dari

Menglembu dengan kata-kata setengah setengahnya lemak-manis, setengahnya itu menyindir dan berbagai-bagai lagi. Memanglah sebagai puak Pembangkang apa sahaja yang Kerajaan buat semuanya tidak betul. Yang betul pun dikata tidak betul. Sekarang, mula-mula sekali saya hendak menjawab ada tiga perkara yang telah dikemukakan pada petang ini oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, iaitu perkara yang penting, Tuan Pengerusi.

Perkara yang pertama mengenai dengan perlunya wujud dasar Perumahan Negara yang komprehensif supaya rakyat dapat menikmati kemudahan perumahan bagi tujuan perancangan dan sebagainya. Soal yang kedua terdapat shortfall yang tinggi dalam pelaksanaan rumah awam kos rendah dan menggesa Kementerian merangka satu strategi dan program yang dinamis untuk mengadakan rumah awam kos rendah yang banyak. Ketiga ditubuhkan Lembaga Kemajuan Pembangunan Perumahan di tiap-tiap negeri bagi melaksanakan projek-projek rumah awam kos rendah.

Bagi menjelaskan ketiga-tiga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang pertama mengenai dasar Perumahan Negara, saya ingin memaklumkan bahawa dasar yang diamalkan sekarang adalah seperti mana yang terdapat dalam manifesto Kerajaan atau manifesto Kerajaan Barisan Nasional dan seperti apa yang telah dihurai-kan dalam Bab 19 Buku Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh yang demikian, sehingga kini Kerajaan masih berpuas hati dengan sasaran yang ada dan ianya adalah memadai. Walau bagaimanapun, dasar itu akan dikaji jika didapati perlu dan syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Kedua, sebenarnya shortfall dalam pelaksanaan tidaklah sebegitu besar seperti mana yang dinyatakan atau yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu walaupun ianya 21.2% di unit-unit yang siap sehingga masa ini tetapi kira-kira 51% lagi adalah berada di dalam peringkat pelaksanaan atau peringkat di dalam berbagai-bagai pelaksanaan. Yang Berhormat haruslah sedar bahawa membina rumah adalah mengambil masa dan melibatkan banyak pihak. Walau bagaimanapun, usaha yang

gigih daripada Kerajaan ini akan diteruskan dan Kerajaan yakin bahawa segala projek-projek yang dijanjikan itu akan dilaksanakan.

Bagi penjelasan yang ketiga mengenai penubuhan Lembaga Pembangunan Perumahan di tiap-tiap negeri, saya ingin memaklumkan pada masa ini telah ada agensi-agensi melaksanakan rancangan-rancangan ini. Kerajaan Persekutuan telah pun menubuhkan JPN iaitu Jabatan Perumahan Negara yang duduk di bawah Kementerian saya bagi menolong Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek ini juga di negeri-negeri ada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) yang melaksanakan projek-projek ini.

Saya beralih sedikit kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengenai tidak adanya rancangan perumahan awam kos rendah di Daerah Tumpat. Ingin saya memaklumkan bahawa Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah adalah merupakan projek-projek perancangan mengenai-nya termasuklah menentukan di mana sesuatu projek patut diadakan di bawah budibicara Kerajaan Negeri. Kementerian saya bersedia memberi bantuan kepada projek-projek perumahan di mana-mana tempat sahaja asalkan persetujuan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh kerana Rancangan Malaysia Keempat sedang dirangka, maka eloklah Yang Berhormat dari Tumpat meminta Kerajaan Negeri untuk mengadakan rancangan-rancangan itu di Tumpat di masa-masa yang akan datang kelak.

Di samping itu, Kementerian saya juga ada peruntukan wang membolehkan golongan berpendapatan rendah ini untuk membina rumah-rumah kampung. Mereka ini boleh mendapat pinjaman perumahan tidak lebih \$7,500 pada satu unit untuk meminjam kepada rancangan perumahan rakyat.

Tuan Pengerusi, dengan panjangnya semalam Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menghuraikan berkenaan dengan pemaju-pemaju perumahan palsu.

Seperti biasa Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar menyentuh tentang aktiviti-aktiviti pemaju-pemaju perumahan yang palsu dan kelemahan-kelemahan

pihak Pengawasan dan Penguatkuasa di Kementerian saya dalam usaha mereka untuk mencegah atau mengurangkan perbuatan-perbuatan tersebut.

Seperti biasa juga alasan-alasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat muncul daripada kekurangan pengetahuan dalam masalah-masalah urusan perumahan dan salah faham tentang kedudukan sebenarnya mengenai kes-kes tertentu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu. Oleh yang demikian, saya rasa sudah tiba masanya saya memberi penjelasan yang lengkap tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau.

Pegawai-pegawai penguatkuasa di Kementerian saya bukanlah begitu buta seperti yang dianggapkan oleh beliau. Sebenarnya siasatan serta merta telah dijalankan ke atas syarikat-syarikat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebaik sahaja iklan-iklan yang berkenaan dikeluarkan di dalam suraa-surat khobar. Pegawai-pegawai syarikat telahpun ditemuduga dan maklumat-maklumat yang lengkap telah diperolehi tentang urusan yang dijalankan oleh syarikat dan tujuan-tujuan mereka. Beberapa bakal-bakal pembeli telah juga membuat pertanyaan ke Kementerian ini dan mereka juga telah diberi penerangan dan nasihat-nasihat yang wajar.

Bagaimanapun siasatan yang telah dijalankan itu menunjukkan bahawa syarikat itu telah hanya menjalankan urusan jual-beli tanah dan bukan urusan perumahan. Sungguhpun ada kemungkinan syarikat ini akan memajukan kawasan yang berkenaan sebagai projek perumahan yang pada akhirnya, bukti-bukti dan dokumen-dokumen yang ada sekarang seperti resit-resit, surat-surat tawaran dan surat-surat perjanjian jual-beli menunjukkan bahawa setakat ini syarikat telah hanya menjual tanah bukan maksud perumahan. Malangnya kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat seperti ini iaitu pemaju-pemaju tanah adalah di luar bidang Kementerian saya dan di luar bidang kuasa Kementerian saya, oleh sebab Akta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri penjelasan. Boleh beri jalan?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Apa yang disebutkan oleh saya dalam ucapan saya ialah saya ada merujuk kes-kes di mana terdapat iklan-iklan yang ada tersiar dalam surat-khobar yang menyatakan bahawa ada rumah-rumah kos rendah untuk dijual. Itu ialah apa yang disebutkan oleh saya dalam ucapan saya, dan itu bukan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa apa yang saya rujuk ialah kes-kes di luar bidang kuasa Kementerian dan itu ialah pihak mereka yang menjual lot-lot tanah. Tetapi apa yang saya kata dan saya pun telah membuktikan dengan iklan dalam suratkhobar bahawa apa yang mereka mengiklankan (advertise) ialah rumah-rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat Yang Berhormat cakap begitu.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, saya memahamkan bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat semalam yang mana iklan-iklan itu ialah tertakluk di bawah Akta Mengawal dan Melesen Pemaju-pemaju Perumahan. Tetapi bila dikeluarkan iklan, iklan-iklan itu mengatakan dia menjual tanah dan sebagainya. Itu sebab saya katakan di sini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ini iklan yang dirujuk adalah iklan yang diterbitkan oleh dua akhbar bertarikh sebagaimana yang dikatakan tadi. Ini iklan yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Belum sampai lagi.

Tuan Pengerusi: Belum sampai lagi. Baiklah, teruskan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, bagi (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedah di bawahnya tidak bertujuan atau tidak mewujudkan kuasa untuk mengawal urusan jual-beli tanah. Ini bermakna bahawa tidak ada sebarang undang-undang ataupun undang-undang kecil sekarang yang dapat mengawal urusan jual-beli lot-lot tanah bagi maksud perumahan khususnya, undang-undang yang menentukan hak deposit yang boleh diterima, cara atau jadual bayaran

yang perlu dibuat seterusnya, peraturan-peraturan bagi pengiklanan dan sebagainya seperti yang terdapat dalam Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan. Bagaimanapun dan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tindakan sedang diambil oleh Kerajaan untuk meminda Kanun Tanah Negara dan mengadakan undang-undang yang sesuai bagi mengawasi pembangunan dan penjualan tanah. Satu Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah yang berkait dengan penjualan tanah.

Tuan Pengerusi, oleh sebab tidak ada sebarang undang-undang untuk mengawal urusan jualan tanah, maka apa yang telah dilakukan oleh syarikat ini tidak merupakan satu kesalahan yang memerlukan tindakan mahkamah. Kementerian saya sedar bahawa syarikat ini telah mengeluarkan iklan tetapi seperti yang saya telah terangkan, iklan mengenai penjualan tanah tidak memerlukan permit iklan dari Kementerian saya seperti yang biasa diperlukan oleh pemaju-pemaju yang menjalankan urusan perumahan. Kementerian ini juga sedar bahawa tanah yang berkenaan belum lagi mendapat kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan. Bagaimanapun ini pula tidak merupakan kesalahan oleh sebab seperti yang saya terangkan tadi belum lagi ada undang-undang yang memerlukan kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan diperolehi terlebih dahulu sebelum tanah yang berkenaan boleh dijual. Jadi saya suka menegaskan sekali lagi bahawa apabila Kementerian ini tidak mengambil tindakan tegas dalam perkara-perkara seperti ini, ini tidaklah bermakna bahawa Kementerian saya tidak memperdulikan masalah-masalah pembeli-pembeli rumah. Masalah-masalah yang timbul dalam kes-kes seperti ini adalah complex dan perlu dihalusi sebelum ditentukan tindakan-tindakan yang harus diambil. Dalam menjalankan urusannya dalam bidang penguatkuasaan, Kementerian saya adalah terhad dan tertakluk kepada kekurangan kuasa-kuasa siasatan dan sekatan bidang-kuasa akibat kelemahan dalam undang-undang yang ada sekarang ataupun ketiadaan Undang-undang yang dapat meliputi kes-kes istimewa.

Buat sementara Kementerian saya hanya boleh menasihatkan bakal-bakal pembeli tanah dan pembeli rumah untuk berwaspada dan menentukan terlebih dahulu bahawa syarikat yang berkenaan telah mendapat kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan. Ini adalah sebab dalam kes-kes yang telah disiasat oleh Kementerian saya terdapat syarikat-syarikat yang berkenaan belum lagi mendapat kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan dan oleh kerana permohonan seperti ini pada biasanya mengambil masa, bakal-bakal pembeli terpaksa menunggu bertahun-tahun sebelum mendapat hakmilik berasingan mereka. Ini akan menimbulkan kekeliruan dan perasaan syak wasangka di kalangan para pembeli dengan tujuan-tujuan syarikat-syarikat tersebut sungguhpun dari segi undang-undang, syarikat-syarikat berkenaan tidak melakukan apa-apa kesalahan. Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan juga untuk menentukan bahawa perjanjian jualan tanah yang ditandatangani dengan syarikat mengandungi peruntukan-peruntukan secukupnya untuk melindungi hak-hak mereka. Mereka haruslah mendapat nasihat seorang peguam terlebih dahulu dan juga membuat pertanyaan dengan Penguasa Tempatan ataupun Pejabat Tanah yang berkenaan untuk menentukan kedudukan yang sebenarnya.

Pada amnya, saya suka menerangkan bahawa aduan-aduan mengenai kutipan wang tempahan dan urusan perumahan yang dijalankan oleh pemaju-pemaju palsu membayangkan beberapa kemungkinan:

- (i) syarikat yang berkenaan adalah pemaju palsu yang biasanya digelar sebagai "bogus" atau "fly-by-night operator". Syarikat yang berkenaan tidak berdaftar di bawah Companies Act dan tidak sebenarnya mempunyai tanah untuk dimajukan sebagai projek perumahan. Ianya mungkin akan menggunakan alamat atau pejabat sementara dan mengeluarkan risalah-risalah, pelan bangunan, atau susun atur yang palsu untuk menarik bakal-bakal pembeli. Syarikat-syarikat seperti ini biasanya hilang setelah mengutip wang tempahan dan sebagainya. Kejadian seperti ini membayangkan kesalahan "penipuan" atau "fraud" yang harus dilaporkan kepada polis, khususnya, Pihak Jenayah

Perdagangan (commercial crime) untuk tindakan sewajarnya. Syarikat-syarikat seperti ini mungkin akan berjaya mengelirukan dan memperdaya bakal-bakal pembeli memandangkan kepada keadaan "house hunger" dalam negara ini. Dalam kes-kes seperti ini bakal-bakal pembeli hendaklah membuat pertanyaan ke Kementerian saya terlebih dahulu untuk menentukan sama ada syarikat yang berkenaan mempunyai lesen dan permit iklan atau tidak. Tindakan seterusnya jika perlu bolehlah diambil oleh pihak polis.

- (ii) Syarikat yang berkenaan adalah syarikat yang tulin dan telah didaftarkan. Ianya sebenarnya mempunyai sekeping tanah untuk dimajukan sebagai satu kemajuan perumahan tetapi bertujuan hendak hanya menjualkan sub-divided lot yang berkenaan kepada bakal-bakal pembeli bagi maksud perumahan. Seperti yang saya telah terangkan tadi kes-kes seperti ini adalah di luar bidang kawalan Kementerian saya.
- (iii) Syarikat yang berkenaan merupakan syarikat pembina atau kontraktor. Biasanya pembeli yang berkenaan sudah mempunyai atau sudah membeli sekeping tanah (housing lot) daripada seorang pemaju tanah dan seterusnya melantik syarikat pembinaan ini hanya untuk mendirikan sebuah rumah di atas lot tersebut. Keadaan seperti ini juga adalah di luar bidangkuasa Kementerian dan lebih merupakan transeksi persendirian di antara kedua-dua pihak itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, apakah orang-orang itu mendirikan tak lebih daripada 4 buah rumah ini tidak tertakluk di bawah Akta Kawalan Pemaju Perumahan.

Jadi, apabila Kementerian saya menyasiat kes-kes pemaju-pemaju palsu, apa yang berlaku sebenarnya adalah tidak begitu

terus terang seperti yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu, Ahli Yang Berhormat tidak seharusnya membuat kesimpulan atau tuduhan-tuduhan yang sia-sia sebelum siasatan yang mendalam dijalankan dan kedudukan sebenarnya diterangkan dalam masalah-masalah seperti ini.

Pertanyaan atas Belanjawan 1980, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mencadangkan supaya Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat dilengkapi dengan pegawai dan kakitangan yang cukup dan berkaliber memandangkan bahagian ini adalah penting di dalam mengawasi pembangunan perumahan swasta. Suka saya menyatakan bahawa setakat ini Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat tiada menghadapi apa-apa masalah untuk menampung permohonan-permohonan atau memberi nasihat kepada pemaju-pemaju perumahan. Pegawai-pegawai yang ada sekarang adalah memadai dan mencukupi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Berhormat, saya mungkin akan menetapkan, menghadkan masa Ahli Yang Berhormat bercakap dan bilangan Ahli Yang Berhormat yang belum bercakap, kerana ada 13 hari sahaja lagi dan kita ada 21 Kementerian yang mesti ditimbangankan Anggaran Perbelanjaannya. Jadi saya akan tetapkan dari satu masa ke satu masa mengikut Kementerian itu kecil atau besarnya peruntukan/anggaran perbelanjaannya dan bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan mengambil Bahagian.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 hari esok, 16hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.